

ana  
MUSLIM

# RAGULLULLAH SUPERHEROKU



Amir  
Nak Jadi  
Khalid

IBNU BATOOTA



© Ana Muslim Sdn Bhd

---

Cetakan Pertama 2023

---

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada **Ana Muslim Sdn Bhd**. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

---

Penulis : Ibnu Batoota  
Editor : Qurratulmalyanah Shuhaimi  
(malyanah.shuhaimi@blue-t.com.my)  
Editor Prof : Nooraishah Hassan  
Ilustrator kulit & dalaman : Hazwanulhassan Mohd Nor  
Reka bentuk kulit & grafik : Nurul Ain Aznan, Hasrol Superdi

---

Pustaka Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

---

Ibnu Batoota, 1990-

— Saya Nak Jadi Berani Seperti Khalid Bin al-Walid : Siri Novel Inspirasi Sahabat Rasulullah / Ibnu Batoota  
— ISBN 978-967-449-807-8  
1. Islamic stories, Malay. 1. Judul.

---

Diterbit dan diedarkan oleh :

**Ana Muslim Sdn Bhd**

12, Jalan Villaraya 2/2, Desa Melawati,

53100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4106 9119

Faks: 03-4106 6119

---

Dicetak oleh :

**Percetakan LPL Sdn Bhd**

No 32&33, Jalan Villaraya 2/2, Villaraya Industrial Park II,

Batu 23, Jalan Sungai Lalang, 43500 Semenyih, Selangor.

Tel / Faks: 03-8945 6301

---





# ISI Kandungan

Bab 1	: Amir Tak Nak Pergi Masjid!	5
Bab 2	: Amir Tak Nak Belajar!	15
Bab 3	: Amir Malaslah...	25
Bab 4	: Amir Nak Kumpul Duit!	35
Bab 5	: Amir Okey Je!	45
Bab 6	: Amir Nak Model Superhero!	55
Bab 7	: Amir Bukan Pengotor!	67
Bab 8	: Amir Mesti Kuat!	75
Bab 9	: Amir Yang Salah	85
Bab 10	: Amir Dah Berubah!	97
Bab 11	: Amir Nak Dengar Kisah Hebat	107
Bab 12	: Amir Suka Majlis Ilmu	117
Bab 13	: Amir Rindu Rasulullah	125
Bab 14	: Amir Nak Jadi Anak Beriman	135



## **Kata Hati :**

'Umi dan Abi selalu tegur Amir sebab Amir suka sangat superhero di dalam tv tv. Salah ke?'




## Bab 1

# AMIR TAK NAK PERGI MASJID!




**Sabda Rasulullah SAW :**

*"Perintahlah anak-anak kamu bersolat pada usia tujuh tahun, pukullah mereka jika mereka meninggalkan solat pada usia sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur mereka."  
(Hadis Riwayat Ahmad)*



Amir Tak  
Nak Pergi Masjid!  
.....



“**A**mir! Dah nak masuk maghrib ni! Pergi solat  
adi masjid dengan abi!” arah Umi Yati sambil  
menutup tingkap rumah.

Amir masih tidak berganjak dari  
tempatnyanya kerana terlalu khusyuk menonton  
rancangan kartun kegemarannya iaitu Detektif  
Coman. Arahan uminya itu dibiarkan sepi.

“Ya Allah...” Keluhan berat keluar dari bibir  
Umi Yati tatkala melihat Amir yang masih terpaku  
di hadapan televisyen.

Setiap hari menjadi rutin harian Amir  
menonton televisyen ketika waktu solat  
terutamanya waktu maghrib. Hal ini membuatkan

Umi Yati begitu kesal dengan tabiat anak tunggalnya itu.

“Kenapalah stesen televisyen mesti siarkan rancangan kartun ketika waktu maghrib?” bebel Umi Yati sambil berjalan ke arah Amir.


Perasaan kecewa dan sebal menguasai diri Umi Yati disebabkan syarikat stesen televisyen yang gemar menyiarkan cerita kartun ketika waktu maghrib, menyebabkan kanak-kanak menjadi malas dan lewat untuk solat.

“Amir, dengar tak apa yang umi cakap tadi?” soal Umi Yati mengharapkan tindak balas daripada Amir.

“Amir!” Sekali lagi nama anaknya itu dipanggil. Kali ini nada suaranya agak tinggi.

Namun, Amir masih memakukan matanya pada televisyen. Tumpuannya langsung tidak terganggu dengan panggilan uminya.


Melihat keadaan itu, Umi Yati terus berlalu ke bilik tidurnya lantas mencapai sebatang rotan yang tergantung di dinding. Kemudian dia terus menuju ke arah Amir semula.



Amir Tak  
Nak Pergi Masjid!  
.....



**Umi Yati pantas menutup suis televisyen tersebut.**



**“Umi kira sampai tiga, kalau Amir tak bangun solat, umi rotan Amir!” jerkah Umi Yati.**

**Amir yang seolah-olah baru terjaga dari mimpi yang panjang tersedar daripada lamunannya dan terketar-ketar melihat ibunya yang sedang berdiri di hadapannya sambil memegang rotan.**

**Amir segera bingkas dan berlari ke arah bilik air untuk mandi dan berwuduk.**

Abi Ahmad tiba-tiba keluar dari bilik dengan jubah yang kemas rapi dan lengkap berkopiah. Bau minyak atar yang berjenama Kasturi Kijang menusuk ke dalam hidung sesiapa sahaja yang berada berdekatan dengannya.


“Apa yang kecoh-kecoh ni?” tanya Abi Ahmad.

“Amir tu bang, waktu maghrib macam ni pun masih sibuk nak menonton televisyen,” jawab Umi Yati dengan nada penuh kekesalan.

Abi Ahmad hanya menggeleng beberapa kali kerana beliau juga cukup masak dengan perangai anak tunggalnya itu.

“Saya tunggu Amir di bawah. Minta dia cepat sikit, nanti tak sempat pula berjemaah,” ujar Abi Ahmad. Kemudian dia terus melangkah ke pintu dan menuruni anak tangga menuju ke halaman rumah, lalu menghidupkan enjin motosikalnya.

Umi Yati segera mengarahkan Amir untuk tidak berlama-lama di dalam bilik air. Kemudian, dia masuk ke biliknya untuk menyiapkan pakaian solat Amir.



Amir Tak  
Nak Pergi Masjid!  
.....



Beberapa minit kemudian, Amir masuk ke bilik uminya. Dengan pantas dia memakai baju jubah berserta seluar panjang dan segera berlari keluar mendapatkan abinya.

Sebaik sahaja Amir duduk di bahagian pembonceng, Abi Ahmad terus menekan gear dan motosikalnya terus berlalu keluar dari halaman rumah dan membelok menuju masjid yang tidak jauh dari rumahnya.



Sewaktu solat, Amir tidak dapat memberi sepenuh perhatian kerana asyik memikirkan bagaimana Detektif Coman menyelesaikan kes pembunuhan yang berlaku di dalam perpustakaan awam Jepun.

Seusai solat, Amir melihat jam tangannya dan menganggarkan masih berbaki lebih kurang 15 minit untuk rancangan kartun kegemarannya itu tamat.


Hatinya meronta-ronta untuk segera pulang agar dapat menyambung menonton rancangan kegemarannya itu.

Tiba-tiba Imam Hadi bangun dan membuat pengumuman.

“Malam ini seorang penceramah telah dijemput khas dari Kuala Lumpur. Diharap para jemaah sekalian dapat bersama-sama di majlis ilmu malam ini,” ucap Imam Hadi.

Amir yang terkejut dengan pengumuman itu berharap agar abinya tidak ikut serta dalam majlis itu. Dia begitu gelisah dan benar-benar mengharapkan abinya bangun dan mengajaknya pulang. Namun tatkala Abi Ahmad menoleh ke belakang dan memandang ke arah Amir, dia memberi isyarat bahawa beliau mahu mendengar ceramah itu.

Harapan Amir hancur, hatinya umpama dikoyak-koyak selepas melihat isyarat itu. Dia hanya mampu mengeluh dan duduk di belakang bersama kanak-kanak lain yang dilihat riak wajah mereka juga tidak gembira. Amir dapat mengagak mereka juga merasakan perkara yang sama sepertinya.



Amir Tak  
Nak Pergi Masjid!  
.....



“Amat, awak pun nak balik tengok cerita Coman ke?” tegur Amir kepada rakannya Ahmad Asyraf yang dipanggil dengan singkatan Amat.

“Yalah, tadi umi saya yang paksa suruh pergi masjid sebab malam ni ada ceramah agama,” jawab Ahmad Asyraf penuh geram.

“Umi saya pun sama macam tu. Ceramah agama ni bukannya untuk kita, ini untuk orang tua!” kata Amir dengan perasaan tidak puas hati.


“Betul tu! Biar ayah kita sahaja yang dengar ceramah ni, kenapa kita kena ikut sekali?” sampuk seorang lagi rakan mereka bernama Umair.

Masing-masing mengangguk tanda setuju. Sebagai tanda boikot, mereka tidak mahu mendengar ceramah yang diberikan sebaliknya mereka sibuk bersembang dan saling bertukar cerita tentang wira-wira khayalan yang mereka puja.


Adayang menceritakan tentang kehebatan Ivon Man, ada pula yang menceritakan tentang kehebatan San Goka. Kadang-kadang mereka

tertawa besar sehingga beberapa kali ditegur oleh penceramah tersebut supaya tidak membuat bising kerana para jemaah ingin menumpukan perhatian kepada ceramah yang sedang diberikan.

Abi Ahmad dan Pak Zahid yang duduk bersebelahan, sekali sekala menjeling ke belakang memberi isyarat kepada anak-anak mereka yang juga termasuk di antara kanak-kanak yang membuat bising ketika sesi ceramah berlangsung.



Tidak berapa lama kemudian, penceramah menamatkan ceramahnya untuk memberi laluan kepada solat Isyak. Amir dan rakan-rakannya solat dalam keadaan hati yang masih penuh dengan rasa tidak puas hati.






## Bab 2

**AMIR TAK NAK  
BELAJAR!**



**Sabda Rasulullah SAW:**

“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah ( suci ), maka kedua-dua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”  
( Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim )



Amir Tak  
Nak Belajar!



**A**mir, jangan lupa baca buku, ulangkaji untuk **A**esok,” pesan Umi Yati sebaik sahaja Amir selesai makan malam.

“Huh!” Amir mengeluh kerana dia baru sahaja berhajat untuk menonton DVD kegemarannya. Tambahan lagi dia masih tidak berpuas hati dengan umi dan abinya kerana memaksanya ke masjid tadi. Amir benar-benar terasa yang umi dan abinya mengawal ketat semua tindak tanduknya.

“Amir, tak elok mengeluh bila umi suruh buat perkara yang membawa kebaikan untuk Amir,” tegur Abi Ahmad.

Amir menarik muka dan memuncungkan bibirnya. Kemudian dia terus masuk ke biliknya lalu meniarap di atas katil sambil menumbuk-  
nunjuk bantalnya.

“Setiap hari macam ni... Geram betul!”  
rungut Amir.

“Amir tak nak belajar! Apa yang Amir suka  
selalu sahaja umi dan abi tak suka. Ish!!!” bentak  
Amir.


“Nak tengok tv pun tak boleh!” tambah  
Amir lagi.

“Belajar! Belajar! Belajar!” Amir mengeluh  
kasar dengan suara yang cuba ditahan agar tidak  
kedengaran oleh umi dan abinya.

Selepas kemarahannya reda, matanya mula  
tertumpu kepada timbunan komik yang berada di  
dalam almari yang terletak di sudut biliknya. Dia  
bingkas dan memilih komik yang ingin dibacanya.

Matanya terus terpaku pada sebuah  
majalah yang juga memuatkan pelbagai komik  
kesukaannya. Amir mengambilnya dan berbaring  
di atas katil sambil membaca majalah itu.

Matanya tertumpu pada sebuah iklan



Amir Tak  
Nak Belajar!



model aksi Roroza Zoxo dari komik Budak Besi. Melihat harganya yang mencecah ratusan ringgit membuatkan mulutnya ternganga secara tiba-tiba. Dia mula mengira-ngira wang simpanannya yang disimpan di bawah tilam. Wang simpanannya cuma ada RM15. Dia amat inginkan model aksi itu. Keinginannya yang membuak-buak terhadap model itu menyebabkan dia lupa tentang kemarahannya kepada umi dan abinya tadi.


Amir mula membayangkan aksi pertarungan yang berlaku di antara superhero yang diminatinya itu. Ketangkasan dan kehebatan superhero yang pernah dibaca dan ditontonnya itu berlegar-legar dalam fikirannya. Dia begitu kagum dengan watak-watak superhero tersebut. Seakan-akan merasai kewujudan superhero yang menjadi idolanya. Lantas, Amir mula berangan-angan sedang bermain dengan model itu.

Dalam keadaan masih terawang-awang di dalam angan-angan itulah dia tertidur tanpa mengulang kaji pelajarannya. Disebabkan dia terlampau inginkan model aksi itu, hal itu



terbawa-bawa sehingga ke dalam mimpinya. Amir bermimpi model aksi itu menjadi miliknya kerana dihadaiahkan oleh seseorang yang tidak dikenali.

Umi Yati yang melalui bilik Amir, terus menjenguk anaknya itu untuk memastikan yang Amir mengulang kaji pelajaran. Tatkala dia menolak pintu bilik, pandangannya jatuh pada sekujur tubuh Amir yang sedang tidur dengan beberapa majalah komik yang sedang terbuka. Kelihatan juga anaknya itu sedang tersenyum-



Amir Tak  
Nak Belajar!



senyum dalam tidurnya. Umi Yati hanya mampu menggeleng.

“Ya Allah, apalah nak jadi dengan anak aku ni? Berilah dia hidayah dan petunjuk—Mu Ya Allah,” keluh Umi Yati sambil berdoa dengan penuh harapan agar anaknya itu berubah.

Umi Yati lalu mengambil majalah komik anaknya itu dan menutupnya serta meletakkannya semula ke dalam rak. Kemudian dia menyelimutkan dan mencium dahi satu-satunya anak kesayangannya itu.

Umi Yati duduk seketika di sisi Amir dan menatap penuh kasih sayang sambil membelai lembut rambut anaknya. Umi Yati juga mengambil kesempatan itu dengan membaca surah Al-Fatihah, surah Taha ayat satu hingga lima, dan doa Nabi Daud dengan harapan dapat melembutkan hati anaknya agar mendengar segala nasihatnya.

Setelah beberapa minit di situ, Umi Yati bangun memadamkan lampu dan menutup pintu bilik Amir perlahan-lahan.

Umi Yati lalu pergi ke bilik air dan

berwuduk. Kebiasaan Umi Yati sebelum tidur, beliau akan membaca surah Al-Mulk dan surah As-Sajdah kemudian beliau solat hajat dua rakaat dan solat Witir tiga rakaat.


Tujuan beliau membaca surah Al-Mulk dan surah As-Sajdah setiap malam kerana ia merupakan sunnah mulia Nabi Muhammad SAW dan juga sebagai pembantunya di kubur kelak kerana Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang mafhumnya:



*“Sesungguhnya surah ini (surah Al-Mulk) menghalang daripada azab Allah dan penyelamat daripada azab kubur.”* (Hadis riwayat Tirmidzi).

Imam Tirmidzi juga ada menukilkan daripada Sayidina Jabir RA meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW tidak akan tidur selagi tidak membaca Alif Lam Mim Sajdah (Surah As-Sajdah) dan Tabarakallazi (Surah Al-Mulk).

Sayidina Abdullah Bin Mas’ud RA yang merupakan seorang sahabat Nabi yang sangat



Amir Tak  
Nak Belajar!



---

alim dan berilmu pula pernah berkata:


*“Azab kubur akan datang pada seseorang itu melalui kakinya. Kakinya akan berkata: ‘Kamu tidak ada jalan untuk mendatangi dari arah kaki kerana dia telah membaca surah Al-Mulk.’ Kemudian (azab kubur) itu datang ke arah dada atau perut. Kemudian kedua-duanya akan berkata: ‘Kamu tidak ada jalan untuk mengazab aku dari arah ini kerana dia telah membaca surah Al-Mulk.’ Kemudian azab itu datang ke arah kepala pula. Kepala akan berkata: ‘Kamu tidak ada jalan untuk mengazab aku dari arah ini, kerana dia telah membaca surah Al-Mulk.’*

*“Surah Al-Mulk ini akan menghalang azab kubur. Di dalam Taurat ia dinamakan surah Mulk dan barangsiapa yang membacanya pada waktu malam akan mendapat banyak ganjaran.”*  
(Mustadrak Hakim dari Abdullah bin Mas’ud.)

Setiap hari Umi Yati akan memohon kepada Allah SWT apa sahaja hajat terutamanya petunjuk kepada anak kesayangannya itu. Kadang-kadang Umi Yati terlampau sebak dan menangis merayu

kepada Allah agar beliau dan seluruh keluarganya berjaya di dunia dan di akhirat serta selamat daripada seksa kubur dan seksa api neraka.

“Perkenankan doaku ini, Ya Allah. Sesungguhnya aku adalah hamba-Mu yang kadangkala lalai dan leka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang hamba, isteri dan ibu. Kurniakan kekuatan dan rahmat kepadaku,”  
doa Umi Yati dengan penuh sebak.






## Bab 3


# AMIR MALASLAH...



**Sabda Rasulullah SAW:**

“Didiklah anak-anak kalian dalam tiga perkara: mencintai Nabimu, mencintai keluarganya dan tilawah al-Quran, sebab orang yang memelihara al-Quran itu berada dalam lindungan singgahsana Allah bersama para Nabi-Nya dan orang-orang yang suci, pada hari tidak ada perlindungan selain daripada perlindungan-Nya.”  
(Hadis Riwayat at-Tabrani)





---

**K**riiiiiinnngggggggg!!!” Bunyi jam loceng bergema di bilik Amir.

Amir masih lena dibuai mimpi indah. Bunyi deringan jam loceng tersebut langsung tidak didengarnya.

“Amir! Amir! Bangun!” jerit Umi Yati dari luar bilik apabila bingit mendengar bunyi jam loceng anaknya itu.

Amir masih tidak menunjukkan tanda-tanda yang dia akan bangun dari tidur. Ikatan syaitan begitu kuat sehingga dia hanyut dalam nikmat tidur.

---

Apabila tiada sahutan yang kedengaran, Umi Yati terus menjengah ke bilik Amir.

“Amir, bangun! Solat subuh, Mir!” kejut Umi Yati sambil menggoncang tubuh anaknya itu.


“Amir!” Kali ini suara Umi Yati lantang kedengaran memenuhi ruang bilik.

“Ya... Ya... Amir bangun,” jawab Amir dengan malas.

Dalam keadaan yang masih mengantuk, Amir bangun perlahan-lahan dan mematikan penggera jam locengnya. Dengan mata yang kuyu, Amir berjalan perlahan-lahan ke tandas untuk mandi dan bersiap untuk solat subuh bersama abinya di masjid.



Umi Yati seperti biasa akan menyiapkan pakaian solat untuk anak dan suaminya. Mereka akan solat subuh berjemaah dan membaca surah Yasin selepas solat subuh. Kemudian barulah mereka akan pulang ke rumah.





Apabila mereka sampai di rumah, Umi Yati sudah pun menyiapkan sarapan pagi untuk mereka iaitu mi goreng dengan telur mata kerbau. Sarapan mi goreng dengan telur mata kerbau ini merupakan kegemaran Amir.

“Abi, kenapa kita mesti baca surah Yasin setiap pagi selepas solat Subuh? Amir tengok tak ramai pun yang baca Yasin macam kita buat. Kadangkala hanya kita berdua sahaja yang baca. Kenapa abi?” soal Amir ketika sedang menjamah sarapan pagi.


Abi Ahmad yang sedang menyuapkan mi goreng ke mulutnya terus menoleh kepada Amir yang duduk di sebelahnya.

“Oh, baca surah Yasin ya? Kita baca Yasin setiap pagi sebab itu amalan Rasulullah, sunnah Rasulullah. Kalau kita sayang Rasulullah, kita kenalah ikut sunnah Rasulullah. Rasulullah pernah bersabda bahawa barangsiapa yang membaca surah Yasin pada permulaan hari yakni di awal pagi, maka segala hajatnya pada hari itu akan ditunaikan. Jadi untuk memudahkan urusan


harian, kita kenalah baca surah Yasin setiap hari,” terang Abi Ahmad.

“Jadi, segelintir orang kampung tak sayang kepada Rasulullah lah? Sebab mereka tak baca pun?” tanya Amir kehairanan.

Teh O yang sedang diminum Abi Ahmad tersembur sedikit kerana tersentak dengan soalan spontan anaknya itu.



“Kamu ni Amir, jangan fikir bukan-bukan. Kita kena bersangka baik. Mungkin mereka baca surah Yasin tu di rumah masing-masing,” jawab Abi Ahmad dengan segaris senyuman.





“Lagi satu abi, kenapa kita mesti solat di masjid? Kawan-kawan Amir ada yang solat di rumah sahaja. Kadang-kadang ayah mereka yang jadi imam di rumah,” tanya Amir lagi.

Abi Ahmad tersenyum selepas mendengar soalan anak kesayangannya itu.

“Kalau abi suruh Amir basuh kereta abi, kemudian abi bagi upah satu ringgit, Amir nak tak?” soal Abi Ahmad cuba menduga anaknya itu.

Amir yang tidak faham kaitan solat berjemaah di masjid dengan membasuh kereta abinya hanya termenung.

“Kalau abi suruh Amir basuh kereta abi, kemudian abi bagi 27 ringgit dengan syarat Amir mesti basuh kereta abi yang diletakkan di dalam perkarangan masjid, Amir nak tak?” tanya Abi Ahmad kepada Amir lagi apabila jawapan pertamanya tidak dijawab.

“Tentulah nak!” Amir menjawab dengan penuh keriang.

“Hanya orang tidak siuman sahaja yang tolak tawaran baik macam tu abi! 27 ringgit

---


boleh beli sembilan buah komik tau!” sambung Amir dengan penuh semangat sambil mengirangira sesuatu dengan jarinya.

“Bagus, sebab tu lah abi ke masjid setiap hari dan bawa Amir bersama ke sana. Rasulullah kesayangan kita pernah bersabda bahawa sesiapa yang solat berjemaah di masjid akan mendapat ganjaran 27 kali ganda berbanding orang yang solat secara sendirian di rumahnya. Hanya memenuhi syarat solat berjemaah di masjid itu sahaja telah membuatkan ganjaran solat untuk kita bertambah 27 kali ganda,” jawab Abi Ahmad dengan senyuman.

“Masya-Allah! Betulkah abi? Kalau kita dapat kumpul banyak pahala, kita boleh masuk syurga kan abi?” balas Amir dengan nada yang terkejut.

“Insyaa-Allah, itulah janji Allah dan Allah tak akan memungkiri janji. Tetapi Amir perlu ingat, yang kita masuk syurga dengan rahmat Allah,” sampuk Umi Yati.

---





---

Abi Ahmad mengangguk-angguk tanda setuju.

---

“Tentu seronok! Ustaz Amir di sekolah cakap, kalau masuk syurga, kita boleh minta apa sahaja yang kita mahukan. Kalau Amir nak minta komik dan model aksi wira-wira kegemaran Amir boleh tak abi? Umi?” Amir bertanya dengan bersungguh-sungguh.

---

Umi Yati dan Abi Ahmad ketawa selepas mendengar pertanyaan anak mereka itu.

---

“Kamu ni Amir, tak habis-habis dengan komik kamu tu. Wira-wira kamu tu bukannya boleh tolong kamu di akhirat nanti,” tegur Umi Yati kepada anaknya.

---

Amir hanya tersengih seperti kerang busuk. Kemudian dia terus menghabiskan mi goreng kegemarannya dan menghirup Teh O panas. Setelah itu Amir masuk ke bilik dan bersiap-siap untuk ke sekolah. Namun, apabila dia terlihat baju sekolahnya belum diseterika, dia terkejut dan mula kelam kabut, lantas membawa bajunya itu kepada uminya.

---

“Umi, kenapa tak gosokkan baju Amir? Kan dah lewat ni. Tak kan umi nak Amir pakai baju kedut seribu macam ni ke sekolah?” tanya Amir dengan wajah cemas.

Umi Yati melihat wajah anaknya dengan penuh kebingungan.

“Amir tahu tak hari ini hari apa?” tanya Umi Yati.

“Hari Jumaat lah umi,” jawab Amir.

“Betulkah hari Jumaat?” balas Umi Yati.


“Err...” Amir keraguan.

Tiba-tiba matanya terlihat kepada kalendar besar di ruang tamunya yang jelas tertulis ‘Sabtu’.

“Eh! Maaf umi! Rupa-rupanya hari ini hari Sabtu!” jerit Amir.

“Kamu ni Amir, hari pun boleh lupa? Ya Allah...” keluh Umi Yati.

Amir sekali lagi tersengih seperti kerang busuk dan dengan perasaan malu, dia bergegas ke biliknya semula.





## Bab 4

# AMIR NAK KUMPUL DUIT!



**Sabda Rasulullah SAW:**

*"Sesungguhnya Allah SWT tidak akan menerima sesuatu amalan melainkan ikhlas kepada-Nya, dan ditujukan hanya untuk-Nya."*

*(Hadis Riwayat Abu Daud dan an-Nasai)*



Amir Nak  
Kumpul Duit!



---

**A**mir mencari komik yang dibacanya semalam kerana ingin melihat model superhero idamannya sekali lagi. Dia mula berfikir untuk mengumpul wang supaya dapat membelinya. Di dalam fikirannya, pelbagai idea cuba dicari supaya dia dapat menjana wang yang cukup untuk merealisasikan impiannya.

“Amir, buat apa di dalam bilik tu? Mari tolong umi kejap,” laung Umi Yati dari ruang tamu rumah.

“Ish! Umi ni, orang baru je nak berangan-angan. Kacau pulak!” rungut Amir.

“Amir!”

Sekali lagi namanya dipanggil. Amir segera bangkit dari katil dan berjalan ke muka pintu bilik.

“Ya, umi. Ada apa umi panggil Amir?” soal Amir dengan wajah yang tegang.

“Tolong umi pergi kedai kejap,” pinta Umi Yati.

“Ala...” keluh Amir.

“Tak apa lah, kalau Amir tak nak. Biar umi saja yang pergi,” balas Umi Yati sedikit kecewa tatkala mendengar keluhan dari mulut anaknya itu.

Amir mula berasa serba salah melihat reaksi uminya itu. Walaupun seringkali dia memberontak terhadap kedua-dua ibu bapanya tetapi dia tidak mahu menjadi anak derhaka.

“Ya lah... Ya lah... Amir pergi. Umi nak suruh beli apa?” Cepat-cepat Amir membalas walaupun dalam keadaan terpaksa.

Umi Yati memandang sekilas kepada Amir. Dia tahu, anaknya rela secara terpaksa. Namun Umi Yati terus menuju ke biliknya untuk mengambil duit, kemudian kembali semula kepada Amir.



Amir Nak  
Kumpul Duit!



“Belikan kelapa, rempah kari dan halia,”  
ujar Umi Yati.

“Itu je?” soal Amir ingin memastikan  
senarai barangan supaya dia tidak disuruh untuk  
ke kedai lagi.

“Ya,” jawab Umi Yati.

Baru sahaja Umi Yati mahu melangkah ke  
dapur, Amir memanggil uminya.

“Umi, nak upah,” pinta Amir sambil  
tersengih lebar.

Umi Yati terdiam seketika sebelum  
memberi jawapan.

“Amir buat kerja ni tak ikhlas ya?” soal  
Umi Yati.

“Kenapa umi tanya macam tu?” soal Amir  
kembali dengan kerutan di keningnya. Kemudian  
mulutnya dimuncungkan.

“Kalau Amir ikhlas, pasti Amir tak  
mengharapkan apa-apa ganjaran dan meminta  
upah daripada umi,” ujar Umi Yati dengan  
pandangan redup.


“Err...rrr...” Amir kelu untuk menjawab pertanyaan uminya itu. Apa yang uminya katakan itu ada benarnya.

“Amir, dalam setiap perkara yang kita ingin lakukan mestilah niat kerana Allah dan ikhlas. Walaupun sekecil-kecil perkara. Setelah Amir lakukan pekerjaan Amir, terpulang pada orang yang Amir bantu sama ada mahu memberi ganjaran ataupun tidak. Bukan meminta atau mengharap sesuatu,” ujar Umi Yati.

Amir menundukkan kepalanya. Sebenarnya dia memang mengharap upah kerana dia mahu mengumpul duit untuk membeli model superhero yang diidamkannya.

“Okeylah umi, Amir pergi sekarang.” Amir cepat-cepat melangkah menuju ke muka pintu.

Pandangan Umi Yati mengekor susuk tubuh anak tunggalnya itu. Satu keluhan berat keluar dari bibirnya.



Amir Nak  
Kumpul Duit!



“Berapa ringgit semuanya pak cik?” soal Amir sebaik sahaja semua barangan yang dibelinya diletakkan di atas meja kaunter.

“Lima ringgit empat puluh sen,” jawab Pak Mahat.

Amir terus menghulurkan wang sepuluh ringgit kepada Pak Mahat.

Setelah menerima baki, Amir terus keluar dari kedai runcit tersebut. Tiba-tiba matanya terpandang tong sampah di hadapan kedai Pak Mahat itu.

Amir terus teringat akan kata-kata teman sekelasnya bernama Amran yang sering menceritakan bahawa ibunya selalu mengumpul tin-tin dan botol-botol kaca terpakai untuk dijual.

“Kalau aku kumpul botol-botol tu, pasti cepat aku kumpul duit.” Amir berkata sendirian.

Tanpa melengahkan masa, Amir bergegas ke tong sampah tersebut untuk mencari tin-tin atau botol-botol kosong. Setiap inci tong sampah diperiksanya supaya dia dapat mengumpul tin-tin

---

atau botol-botol tersebut. Hasilnya dia berjaya mengumpul beberapa tin kosong susu pekat manis dan tin minuman ringan serta beberapa botol kaca.

---

“Kamu buat apa tu, Amir?”

---

Tiba-tiba suara seseorang menyergah ke telinganya. Amir terus berpaling.

---

“Err...rrr... Nak ambil botol ni. Boleh ke Pak Mahat?” jawab Amir tergagap.

---

“Hai... Kamu dah kutip baru nak minta izin,” balas Pak Mahat.

---

Amir tersengih. Dia tidak tentu arah dan mula takut sekiranya Pak Mahat memarahi dirinya. Amir terus membuka langkah dan ingin segera berlalu dari situ.

---

“Amir!” panggil Pak Mahat.

---

Amir berhenti melangkah dan segera menoleh.


---

“Ambil sajalah botol-botol tu.” Pak Mahat memberi keizinan.

---

Amir tersenyum. “Betul ke Pak Mahat?” soal Amir inginkan kepastian.

---



Amir Nak  
Kumpul Duit!



“Ambillah, memang dah nak buang pun botol-botol tu,” jawab Pak Mahat.

Amir segera mengambil dan membersihkan botol dan tin itu kemudian memasukkan ke dalam plastik mengikut jenis. Satu plastik untuk botol kaca, satu plastik untuk tin.



“Lamanya kamu pergi kedai, Amir?” tegur Umi Yati sebaik sahaja Amir meletakkan barang-barang di atas meja makan.

Amir tidak menjawab dan dia hanya tersenyum.

“Umi, Amir nak keluar sekejap, boleh tak?” pinta Amir.

“Nak pergi mana?” soal Umi Yati kembali.


“Erm... Rumah Amran,” jawab Amir.

“Ya lah, tapi jangan balik lewat ya,” balas Umi Yati sambil mengangkat barangan yang dibeli oleh Amir.

Amir segera keluar dari rumah. Dan selama berjam-jam dia mundar-mandir di kawasan perumahannya itu mencari tin dan botol kosong. Usahanya tidak sia-sia kerana dia berjaya mengumpulkan tin dan botol kaca dengan agak banyak.

Amir membawa semua kutipannya itu kepada kawannya Amran yang tinggal tidak berapa jauh dari rumahnya. Dia bertanyakan tentang tempat untuk menjual barang tersebut. Kebetulan pada masa itu, ibu Amran juga sedang membawa keluar dua buah beg plastik besar berisi botol dan tin untuk dijual. Amir hanya tersenyum dan terus meminta izin ibu Amran untuk pergi bersamanya ke tempat jual beli barangan kitar semula. Amir sungguh gembira kerana usahanya berhasil.

“Alhamdulillah.” Amir mengucap syukur.






Bab 5


AMIR  
OKEY JE!



### **Sabda Rasulullah SAW:**

"Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan itu membawa ke surga. Sesungguhnya seseorang yang sentiasa berkata jujur hingga dia disebut sebagai "siddiq" dan sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan dan kejahatan itu membawa ke neraka. Sesungguhnya seseorang yang sentiasa berdusta, dia akan dituliskan di sisi Allah SWT sebagai "kadzab" (sang pendusta)".  
(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)





---

**S**ejak hari itu, setiap kali pulang dan pergi sekolah, Amir akan mengambil kesempatan untuk mengutip botol dan tin di tepi-tepi jalan. Jika hari cuti, masa yang diambilnya lebih lama. Kalau kanak-kanak lain sibuk bermain bola, Amir pula sibuk mencari tin dan botol kaca.

Di sekolah juga Amir sering mengutip tin dan botol minuman di kawasan kantin dan menyimpan semua tin dan botol tersebut di dalam beg selepas dikemikkan.

“Kau buat apa dengan tin dan botol ni?” soal seorang murid ketika Amir sedang menyelongkar tong sampah.

---

“Adalah...” Itu sahaja jawapan Amir.


Semakin lama perbuatan Amir itu disedari oleh rakan-rakannya. Sejak itu mereka menggelarkan Amir dengan gelaran “Amir Sampah” kerana kerap kali melihat Amir menyelongkar tong sampah.

Namun begitu, Amir hanya mendiamkan diri dan tidak memberikan sebarang tindak balas kepada ejekan rakan-rakannya itu. Seinggalah perkara itu sampai ke pengetahuan guru kelasnya, Cikgu Nabilah.

Cikgu Nabilah mula berfikir yang Amir mungkin daripada keluarga miskin sehingga terpaksa mengutip tin untuk mendapatkan wang.

Malahan Amir juga kelihatan sering tidak makan ketika waktu rehat, sebaliknya dia hanya minum air sahaja. Hal ini menyebabkan Amir tidak lagi memberi tumpuan ketika guru mengajar dan sering tertidur di dalam kelas kerana keletihan.

Bahkan Amir sering ditangkap oleh pengawas kerana membawa komik ke sekolah. Hal itu menyebabkan Amir didenda dan berkali-kali





dibawa ke bilik guru untuk dikenakan tindakan disiplin.

Perubahan diri Amir itu diperhatikan Cikgu Nabilah hari demi hari sehinggalah Amir dipanggil oleh Cikgu Nabilah.

“Amir, cikgu nak tanya sesuatu. Kenapa waktu rehat Amir tak makan? Amir tak ada duitkah?” tanya Cikgu Nabilah membuka bicara.

“Err... Amir ada duit cikgu. Tapi... Amir tak mahu guna,” jawab Amir serba salah.

Sebenarnya bukan abinya tidak memberinya wang saku, tetapi semua wang sakunya itu disimpan dan dikumpulkan supaya dapat membeli model aksi kegemarannya itu. Hanya sedikit sahaja yang digunakannya untuk membeli minuman.

“Kenapa tak mahu guna? Kan ayah Amir bagi duit tu untuk Amir makan? Kalau Amir tak makan, nanti Amir keletihan dan kelaparan sampai tak boleh nak belajar dengan baik,” nasihat Cikgu Nabilah.

“Ya cikgu, Amir faham. Insya-Allah Amir akan makan pada waktu rehat mulai esok,” jawab

Amir untuk menutup bicara supaya guru kelasnya itu tidak mengesyaki apa-apa.




Sejak itu, Amir mula memikirkan cara lain bagaimana untuk makan ketika waktu rehat supaya dia tidak kelihatan letih dan kelaparan di dalam kelas.

“Apa yang perlu aku buat ya? Nanti kalau cikgu tanya lagi, apa aku nak jawab?” bicara Amir sendirian. Dahinya berkerut memikirkan cara untuk dia dapat makan pada waktu rehat tanpa menggunakan wang sakunya.

“Ha! Aku tahu apa yang aku perlu buat!” Tiba-tiba Amir mendapat idea.

Idea yang dirasakan sangat bernas itu ialah membawa bekal dari rumah.

Amir mula merasakan dialah manusia paling cerdas di dunia kerana berjaya menyelesaikan masalah yang dianggap sangat besar itu.





“Tapi, macam mana aku nak bawa bekal? Kalau beritahu umi, tentu umi akan tanya. Nanti dah tentu wang saku aku akan dipotong.” Amir mula kebingungan.

Akhirnya selepas berfikir dengan bersungguh-sungguh, sekali lagi idea menerjah ke dalam fikirannya.

“Apa kata aku bawa bekal secara rahsia. Tak perlulah bagitahu umi,” ujar Amir.

Amir menarik nafas lega kerana berjaya menyelesaikan masalah yang menyesakkan fikirannya.

Amir terus membuka komik lalu membacanya setelah beban fikirannya mula terlerai.



Setiap pagi sebelum ke sekolah, Amir akan pergi ke dapur untuk membungkus makanannya yang akan dimakan ketika waktu rehat nanti.


Sebelum itu dia akan memastikan perkara itu dilakukannya dengan penuh teliti tanpa disedari oleh sesiapa.

Amir akan membungkus makanan itu di dalam plastik kerana tidak mahu uminya menyedari jika dia menggunakan bekas. Ini kerana uminya sangat teliti dengan setiap bekas yang tersusun di dapur. Jadi, Amir akan memastikan yang perkara itu tidak diketahui oleh uminya. Kemudian Amir akan cepat-cepat keluar dari dapur sebelum uminya perasan akan keberadaannya itu.



Semasa waktu rehat di sekolah pula, Amir akan menunggu di tepi kantin sambil memerhatikan murid-murid yang sudah selesai makan. Dia akan segera pergi ke tempat murid itu dan mengambil pinggannya dan cepat-cepat membasuh pinggan itu dan menuangkan makanannya ke atas pinggan. Seolah-olah dia membeli makanan di kantin.

Amir makan dengan penuh gembira bersama rakan-rakan yang lain menyebabkan tiada yang mengesyaki apa-apa padanya.





Cikgu Nabilah juga lega melihat muridnya itu makan setiap hari di kantin dan tidak lagi tertidur di kelas kerana keletihan dan kelaparan. Kelakuannya yang semakin hari semakin baik itu ditegur dan dipuji oleh Cikgu Nabilah.

“Amir, cikgu tengok sekarang kamu ceria betul. Makan pun cukup. Ada apa-apa yang nak dikongsikah dengan cikgu?” tegur Cikgu Nabilah.

“Eh cikgu, maaf saya tidak perasan cikgu di belakang saya tadi,” balas Amir dengan senyuman manis.

“Cikgu tengok Amir semakin hari semakin ceria. Tidak macam dulu, selalu tidur dalam kelas, selalu nampak tidak cukup makan. Kenapa Amir?” selidik Cikgu Nabilah.

“Tak ada apa-apalah cikgu, saya biasa sahaja cikgu. Mungkin saya jadi ceria sebab saya ikut nasihat cikgu dulu,” balas Amir dengan nada bersahaja.


“Sekarang waktu rehat saya makan. Saya ingin fokus dalam pelajaran. Semuanya kerana berkat nasihat cikgu,” sambung Amir lagi.

“Alhamdulillah, baguslah kalau macam tu Amir.”

Setelah itu Cikgu Nabilah menamatkan perbualan lalu meminta diri untuk beredar pergi. Sekali lagi Amir berasa dirinya terselamat kerana rahsia besar yang disimpannya itu tidak terbongkar.

Amir juga gembira dengan rutin harian barunya itu. Hari demi hari, wang simpanannya juga bertambah. Malah, untuk mengaburi mata orang ramai. Amir tidak lagi mengutip tin di hadapan orang ramai sebaliknya dia cuma lakukan secara tersembunyi. Dia juga cuba menghadkan aktiviti mencari tin dan botol supaya dia tidak letih dan dapat menumpukan perhatian di dalam kelas.

Amir tidak mahu lagi ditangkap atau diejek oleh rakan-rakannya sebagai “Amir Sampah” sehingga rahsianya mengumpul wang untuk membeli model superhero terbongkar.






## Bab 6


# AMIR NAK MOD- EL SUPERHERO!



**Sabda Rasulullah SAW:**

*"Sesungguhnya apabila seseorang hamba berdiri untuk shalat maka diletakkan semua dosa-dosanya di atas kepala dan kedua bahunya. Setiap kali ia rukuk atau sujud akan jatuhlah dosa-dosanya itu."  
(Hadis Riwayat at-Tabrani)*





---

**P**agi ini sebaik sahaja Amir tiba di sekolah, dia tidak segera masuk ke kelas. Seperti kebiasaannya, dia akan mengisi ruang sebelum waktu pembelajaran bermula dengan membaca komik kegemarannya.

---

Amir terus berjalan menuju ke belakang bangunan sekolah dengan berhati-hati. Sekali-sekala matanya meliar ke kiri dan kanan, memerhati sekeliling agar orang lain tidak melihatnya di situ.

---

Setelah memastikan tiada sesiapa di situ, Amir terus melabuhkan punggung ke atas lantai bersebelahan stor menyimpan peralatan sukan.

---


Amir terus membuka majalah komik yang dibawanya bersama. Bibirnya tersenyum lebar saat membaca setiap muka surat majalah komik tersebut. Sekali-sekala kedengaran tawanya. Jika tawanya sedikit kuat, dia cepat-cepat memperlahankannya. Kadangkala jika ada babak yang cemas dan pertarungan sengit berlaku, dahinya juga turut berkerut, seolah-olah dia merasai emosi watak tersebut.

Amir terus khusyuk melayari setiap muka surat majalah komik itu.

“Tak lama lagi, aku bolehlah dapatkan model superhero ni. Tak sabarnya....” ujar Amir apabila pembacaannya sampai ke bahagian iklan.

“Tapi... Macam mana aku nak cepat dapat duit ya? Aku tak nak tunggu lebih lama lagi untuk membeli model superhero itu,” ngomel Amir sambil memikirkan cara untuk mendapatkan duit.

Tiba-tiba deringan loceng menandakan waktu mula pembelajaran berbunyi. Deringan tersebut mengganggu tumpuan Amir.





**“Ala...Dah masuk ke,” keluh Amir. Dia segera menutup komik tersebut.**

---



---

**Sejak kejadian dia dipanggil ke bilik disiplin kerana sering ditangkap membawa majalah komik, Amir tidak lagi menyimpan majalah komik di dalam beg sekolahnya kerana bimbang jika dirampas lagi oleh pengawas. Sebaliknya dia mengikat majalah komiknya itu di kakinya dengan beberapa gelang getah dan menutupnya dengan stoking serta seluar sekolahnya.**

---

Amir tidak lagi merasa bimbang dengan sesiapa pun. Rahsianya itu tidak dikongsikan dengan sesiapa. Bahkan dengan kawan-kawan yang selalu meminjam majalah komiknya juga tidak diberitahu. Dia tidak mahu rahsianya terbongkar.

Amir terus berjalan menuju ke kelas dengan senyuman terukir di bibirnya.



Petang itu Amir begitu gelisah menanti abinya. Sekali-sekala kepalanya menjenguk ke luar rumah.

“Kenapa dengan kamu ni Amir?” soal Umi Yati yang sedang melipat pakaian.

“Tunggu abi,” jawab Amir.

“Aik, tak pernah-pernah beria tunggu abi macam tu. Ni mesti ada apa-apa ni?” duga Umi Yati.

Namun Amir tidak menjawab kata-kata uminya itu. Tidak lama kemudian kereta Abi Ahmad kedengaran masuk ke halaman rumah.





Amir terus berlari keluar dari rumah dan mendapatkan abinya yang baru keluar dari kereta.

“Abi, esok abi *parking* kereta abi di perkarangan masjid ya?” soal Amir sebaik sahaja abinya menutup pintu kereta.

“Eh? Kenapa pula?” tanya Abi Ahmad kehairanan.

“Kalau abi letak kereta di perkarangan masjid, bolehlah Amir basuh kereta abi di sana nanti,” jawab Amir ceria.

“Err... Kenapa Amir mahu basuh kereta di sana? Bukankah Amir boleh basuh kereta di perkarangan rumah seperti biasa?” tanya Abi Ahmad sekali lagi.

“Bukankah abi cakap kalau basuh kereta di masjid, abi akan bagi 27 ringgit?” ujar Amir dengan penuh harapan agar kata-kata abinya itu direalisasikan.

Abi Ahmad tidak dapat menahan tawanya tatkala mendengar kata-kata anaknya yang berumur 11 tahun itu. Dia kemudiannya mengelus-elus kepala Amir dengan penuh kasih sayang.

---

Amir pula tidak berpuas hati kerana abinya menganggap hal itu sebagai jenaka, sedangkan baginya ia perkara yang sangat serius.

“Abi kan cakap macam tu dulu?” tanya Amir sekali lagi untuk meyakinkan abinya.


“Memanglah abi ada cakap, tetapi abi cuma bagi perumpamaan, bukannya betul-betul. Mana ada orang basuh kereta sikit-sikit dapat bayaran sampai 27 ringgit. Abi hantar ke tempat cuci kereta pun bayarannya cuma 12 ringgit sahaja,” jawab Abi Ahmad sambil ketawa kecil.

Amir berasa tidak puas hati tetapi tidak menyalahkan abinya kerana dia sendiri yang salah faham dengan kata-kata abinya.

Amir terus berlalu masuk ke rumahnya semula kerana jam sudah menunjukkan pukul tujuh malam. Masa yang paling berharga buat Amir kerana waktu itulah ditayangkan rancangan-rancangan kartun kegemarannya di televisyen.

Abi Ahmad menggeleng beberapa kali melihat tingkah anak tunggalnya itu.

---





Pulang sahaja daripada solat maghrib berjemaah di masjid, Amir terus menonton kartun animasi kegemarannya yang dipasangkan pada pemain DVD di rumahnya.

Dia begitu seronok menonton kartun animasi tersebut sehingga dia leka dan tidak sedar jarum jam yang bergerak sudah melewati angka sepuluh.

“Amir, sudah-sudahlah tengok tv tu, pergi belajar pula,” arah Umi Yati.

“Kejap lagilah umi,” jawab Amir.


“Sekejap lagi apanya, dah pukul sepuluh ni. Solat Isyak pun belum lagi tu,” balas Umi Yati.

Amir tidak menghiraukan arahan uminya, sebaliknya dia terus menonton cerita kartun tersebut.


“Ya Allah... Budak bertuah ni,” rungut Umi Yati.

Sekali lagi Umi Yati terpaksa mencabut wayar televisyen rumahnya kerana dia tahu

anaknya pasti tidak akan menghiraukan arahnya itu. Umi Yati masak sekali dengan perangai anaknya yang apabila mula menonton kartun sahaja, tentu sudah berkhayal ke dunia yang lain sehingga tidak lagi menyedari segala yang berlaku di sekelilingnya.



“Apa ni umi?” soal Amir yang terkejut dengan tindakan uminya. Baru sahaja dia hendak melihat aksi superheronya yang ingin bertarung.





“Amir pergi solat Isyak dulu, kemudian baca buku,” arah Umi Yati.

“Tapi...” Belum sempat Amir menghabiskan ayatnya, Umi Yati terus menjegilkan matanya menandakan tiada kompromi yang akan diberikannya.

“Umi ni...” keluh Amir di dalam hati. Dia terus menarik mukanya dan bergegas ke bilik air untuk mengambil wuduk.

Ketaksubannya kepada watak-watak komik membuatkan dia sering tidak khusyuk ketika melakukan solat. Terngiang-ngiang di fikirannya watak Liffy memanjangkan tangan elastiknya menentang musuh dan watak Zoxxo melakukan libasan taufan dengan tiga bilah pedangnya.

Amir tidak rasa bersalah walau sedikit pun di dalam hatinya. Dia merasakan solat itu tidak penting walaupun abinya sering memberikan galakan kepadanya untuk menjaga solat dengan baik. Solat hanyalah rutin harian biasa baginya.

Setelah solat, Amir tidak menelaah buku-buku pelajarannya tetapi terus membaca komik kegemarannya itu. Sikap buruknya itu diamalkannya tanpa rasa bersalah walaupun uminya setiap hari menasihatinya tentang pelajaran. Tetapi semua nasihat itu masuk ke telinga kanan dan keluar dari telinga kiri.

“Amir!” panggil Umi Yati dari luar bilik.

Mendengar namanya dipanggil, Amir terus menyorokkan komiknya di bawah bantal.


Wajah uminya terjengul di hadapan pintu.

“Ya umi?” soal Amir.

“Lepas buat kerja sekolah, tidur ya. Jangan berjaga baca komik pula.” Umi Yati mengingatkan.

Amir hanya mengangguk, kemudian Umi Yati terus menutup pintu bilik Amir.

Amir pula mengabaikan sahaja apa yang uminya katakan tadi, sebaliknya dia terus menyambung pembacaannya sehinggalah dia tertidur.






## Bab 7

# AMIR BUKAN PENGOTOR!



**Sabda Rasulullah SAW:**

“Bukanlah seorang mukmin orang yang suka mencela, suka melaknat dan yang keji (sama ada perkataannya atau perbuatannya) dan yang kotor mulutnya (sekalipun perkataannya itu benar).”  
(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)





**P**agi ini dimulakan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Seperti yang telah diberitahu, hari ini, Cikgu Nabilah akan mengutip latihan yang telah diberikan.

“Baiklah, semua orang hantar buku latihan yang cikgu berikan minggu lepas,” arah Cikgu Nabilah.

Amir segera membuka begnya, tatkala dia mahu mengambil bukunya, dia terkejut apabila melihat beg plastik berisi mi goreng yang dibawanya dari rumah telah terkoyak dan menyebabkan buku-bukunya terkena kicap mi tersebut.

Jantungnya berdegup kencang dan matanya terbeliak melihat hal itu. Hampir-hampir dia terjerit tetapi apabila dia tersedar bahawa dirinya akan mendapat perhatian ramai, maka dia menahan dirinya daripada berkata apa-apa dan berlagak seperti semuanya normal.

‘Ya Allah... Macam mana ni?’ soal Amir di dalam hati.


“Cepat sikit ya, cikgu nak mulakan pembelajaran,” arah Cikgu Nabilah sekali lagi.

Amir menjadi sangat cemas dan berpeluh-peluh selepas mendengar arahan itu. Dia lalu perlahan-lahan menyorokkan bukunya itu untuk dibawa ke tandas dengan harapan dapat mencucinya.

“Cikgu, boleh saya ke tandas sekejap?” pinta Amir dari tempat duduknya.

“Awak hantar buku latihan awak dulu, lepas tu baru boleh ke tandas,” jawab Cikgu Nabilah.

Amir mula gelisah dan tidak tentu arah. Wajahnya berubah pucat. Peluh semakin laju mengalir dari dahinya. Amir cepat-cepat





menyimpan kembali bukunya ke dalam beg. Sikap Amir itu menyebabkan Cikgu Nabilah perasan sesuatu yang tidak kena telah berlaku.

Cikgu Nabilah lantas menuju ke tempat Amir.

“Amir, mana buku kamu?” soal Cikgu Nabilah.

Amir tidak menjawab. Dia semakin gelisah untuk berterus-terang.

“Kamu tak bawa buku latihan kamu ya?” soal Cikgu Nabilah lagi.

“Err...Tak...Tak...” Cepat-cepat Amir menafikan.

“Habis tu...”

“Ma..maa..maaf cik...cik..cikgu Nabilah.. bu..buku..saya..ko..koo..kotor...” kata Amir tergagap-gagap.


“Kotor? Macam mana boleh kotor? Mana buku kamu?” Cikgu Nabilah mulai hairan.

Amir hanya terdiam kaku dengan bibirnya terketar-ketar kerana ketakutan. Disebabkan Amir masih memakukan diri, Cikgu Nabilah terus

membuka beg sekolah Amir.

---

---



“Ya Nabilah, macam mana boleh jadi macam ni Amir?” soal Cikgu Nabilah.

Perlahan-lahan Cikgu Nabilah mengeluarkan plastik biru yang berisi mi goreng dari beg Amir. Kuah mi goreng tersebut meleleh keluar dari plastik yang bocor.

Cikgu Nabilah juga terjumpa beberapa keping tin minuman aluminium yang telah dikemikkan di dalam plastik berwarna hitam yang berada di dalam beg sekolah itu.

Amir hampir-hampir menangis kerana

---

---





terlampau takut. Tetapi disebabkan dia malu kepada rakan-rakannya, dia menahan air matanya daripada keluar.

“Kamu kemaskan beg kamu ini, lepas sekolah nanti, jumpa saya di bilik guru,” ujar Cikgu Nabilah.

Amir mengikut arahan gurunya itu. Dia mula mengeluarkan buku-bukunya dan plastik yang mengandungi tin-tin kosong.

Rakan-rakannya mula berbisik sesama sendiri. Ada juga yang tertawa dan mengejek. Walaupun mereka bercakap perlahan, namun jelas kedengaran di telinga Amir.

“Dia ni memang Mat Sampahlah.”

“Eeee...gelinya, tak mahulah kawan dengan dia lagi.”

“Pengotornya Amir ni, simpan sampah dan makanan basi dalam beg.”

Amir tidak dapat lagi menahan air matanya yang mengalir tanpa dia sedar kerana berasa sangat malu.


Melihat Amir yang mula menangis, rakan-



Melihat tingkah rakan-rakannya yang terus mengejeknya, Amir terus berlari keluar dari kelas.

“Amir!” panggil Cikgu Nabilah.

Namun Amir tidak menghiraukan panggilan itu. Apa yang dia fikirkan tika ini, dia mahu lari dari suara-suara yang mengejeknya itu.






Bab 8

**AMIR MESTI  
KUAT!**



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Mahukah daku khabarkan kepadamu siapakah orang yang diharamkan dari api neraka? Dan api neraka tidak akan menyentuhnya. Mereka adalah orang yang menghampiri orang lain dengan lemah lembut, berlebih kurang dan baik hati."  
(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)





---

**A**mir mendingankan diri di belakang bangunan  
Asekolah. Tempat yang sunyi itu dapat  
menenangkan fikirannya.


---

Di situlah dia menangis, meluahkan segala  
perasaan yang terbuku di hatinya. Dia benar-  
benar sedih apabila diejek dan diperlekehkan oleh  
rakan-rakannya.

---

Tidak lama selepas itu, loceng berbunyi  
menandakan waktu sekolah sudah tamat. Setelah  
memastikan rakan-rakannya sudah pulang, Amir  
masuk semula ke kelasnya untuk mengambil beg.  
Namun, tatkala dia masuk ke dalam kelas, dia

---



melihat namanya diejek dan dipersendakan di papan hitam. Begnya pula penuh dengan sampah sarap. Amir menjadi sangat geram, marah, sedih, kecewa, malu dan pelbagai lagi perasaan yang bercampur baur. Lantas dia menumbuk mejanya dan meraung sekuat hatinya.

“Aaaaaaa!!!!!!!” Suaranya bergema-gema kerana bangunan kelas itu telah pun kosong.

“Sabar sahabat, tenangkan dirimu.” Tibatiba terdengar suara seseorang menyapa.





Amir sedikit terkejut, lantas dia menoleh ke pintu kelasnya. Berdiri sebatang tubuh yang tersenyum memandang ke arahnya.

Milik sebatang tubuh itu memperkenalkan dirinya sebagai Muhammad Sufiyan sambil mengukir senyum manis. Amir pula menyambutnya dingin.

Sufiyan merupakan rakan sebayanya tetapi berbeza kelas. Amir berada di kelas 5 Beta manakala Sufiyan pula berada di kelas 5 Delta.

“Kenapa dengan awak?” soal Sufiyan lembut.

Sufiyan yang sedang melewati kelas Amir untuk pulang ke rumah terkejut mendengar raungan Amir sebentar tadi. Sebab itulah dia datang ke kelas 5 Beta untuk memeriksa apa yang berlaku.

Amir duduk menenangkan diri tanpa memberikan apa-apa jawapan kepada Sufiyan.

Sufiyan perlahan-lahan mendekati Amir dan duduk di sebelahnya. Matanya diarahkan ke papan hitam. Sufiyan tersenyum dan semakin

faham apa yang berlaku kepada Amir.


“Saya tahu nama awak Amir. Saya selalu dengar cerita tentang awak daripada kawan-kawan sekelas awak. Saya juga tahu awak selalu diejek mereka,” kata Sufiyan cuba beramah mesra.


Amir hanya terdiam kaku tidak menjawab soalan Sufiyan. Hatinya masih sakit kerana perbuatan rakan-rakan sekelasnya.

“Awak tahu tak diejek, dimaki, dipersendakan, dibaling sampah ini semua merupakan perkara yang sangat biasa berlaku kepada Nabi Muhammad kita?” ujar Sufiyan, tidak berputus asa ingin menenangkan Amir.

Amir hanya mengangguk. Sufiyan gembira kerana kali ini Amir memberi tindak balas kepada kata-katanya.

“Awak suka cerita-cerita Nabi dan sahabat tak? Awak pernah dengar kisah Nabi kita dengan seorang makcik tua yang suka mengutuk baginda?” tanya Sufiyan sambil mendekati





kerusinya kepada Amir.

Amir tiba-tiba berminat untuk mendengar tentang kisah itu dan dia menggeleng tanda dia belum pernah mendengar kisah itu sebelum ini. Sufiyan tersenyum sekali lagi dengan respon positif itu.

“Pada suatu hari, ketika Nabi Muhammad sedang berjalan-jalan di Mekah, baginda ternampak ada seorang wanita tua sedang membawa banyak barang. Baginda pergi kepadanya untuk menawarkan pertolongan. Wanita tua

itu sangat gembira dan memberikan barang-barangnya kepada baginda. Baginda mengikut makcik itu dan makcik itu khabarkan kepada baginda bahawa dia ingin keluar dari kota Mekah ini kerana terdapat seorang penyair gila yang bernama MUHAMMAD telah mengaku sebagai Nabi dan cuba menyebarkan ajaran sesat di Mekah. Baginda hanya diam dan mendengar celoteh orang tua itu dengan penuh minat kerana tidak mahu mengguris perasaan orang tua itu,” kata Sufiyan sambil bercerita dengan penuh semangat.

Amir mula mengangkat kepalanya tanda berminat.

“Wanita tua itu meneruskan ceritanya bahawa dia takut akan disesatkan oleh Nabi baru itu. Dia ingin keluar dari kota Mekah menuju ke kota lain dengan tujuan menyelamatkan imannya yang salah itu. Nabi Muhammad hanya diam mendengar dengan khusyuk dan penuh minat. Apabila mereka berdua sampai di tempat yang dituju, baginda meletakkan barang-barang wanita tua itu dan meminta diri untuk pergi. Wanita





tua itu pun izinkan. Tiba-tiba dia memanggil semula baginda kerana terlupa untuk bertanya nama selepas baginda bersusah payah membawa barang-barangnya,” cerita Sufiyan.

“Nama saya Muhammad, ujar baginda. Wanita tua itu berkata, maaflah orang muda, mak cik ini sudah tua, mungkin pendengaran mak cik sudah rosak. Tetapi tidak silap mak cik, kamu menyebut nama Muhammad tadi? Kemudian baginda menjawab sekali lagi dengan penuh cermat dan hormat,” sambung Sufiyan lagi.

“Lepas tu? Apa yang terjadi??” sampuk Amir.

“Wanita tua itu terus menangis kemudian mengucapkan syahadah Laailahailallah Muhammadur Rasulullah. Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu utusan Allah,” kata Sufiyan dengan mata yang berkaca-kaca.

Tidak semena-mena air mata Amir mengalir perlahan-lahan tanpa dia sedar. Hanya pujian kepada Allah sahaja yang mampu dia

ucapkan.


“Mulianya hati Nabi kita, walaupun dicaci dicerca, baginda tetap tidak marah dan terus berbuat baik kepada orang yang mencacinya,” kata Amir sambil menangis teresak-esak.

“Nabi Muhammad itu contoh teladan yang baik. Kita sebagai umatnya perlu contohi ketua kesayangan kita itu. Jadi, awak janganlah sedih lagi sebab kena ejek hari ini. Kalau awak sabar dan maafkan semua kawan-kawan awak, saya yakin Nabi tentu bangga dengan awak,” ujar Sufiyan.

Mutiara kata itu betul-betul menusuk hati Amir. Dia terasa seperti disapa bayu lembut yang sangat nyaman sehingga semua masalahnya tadi terasa hilang serta-merta. Amir terus memeluk Sufiyan.

“Terima kasih Sufiyan,” ucap Amir.

Sufiyan mengurut lembut belakang Amir, menenangkan hati rakan barunya itu. Kemudian mereka sama-sama membersihkan papan hitam dan beg Amir yang penuh dengan sampah sarap.






## Bab 9

# AMIR YANG SALAH



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Petanda orang yang munafiq ada tiga:  
apabila berbicara ia bohong, apabila berjanji  
ia mengingkari janjinya dan apabila  
dipercaya ia berbuat khianat."  
(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)





---

**A**mir memberhentikan basikalnya di hadapan Arumah. Terlihat kelibat Umi Yati berdiri di hadapan pintu seolah-olah sedang menunggunya. Amir berlagak seperti biasa seakan-akan tiada apa-apa yang berlaku di sekolah tadi.


“Assalamualaikum umi,” ucap Amir dalam nada yang perlahan seraya menghulur tangannya untuk bersalaman.

“Walaikumussalam,” jawab Umi Yati dengan perasaan tenang. Dia cuba mengawal dirinya agar tidak tergesa-gesa menyerbu pelbagai soalan yang sedang bermain di benaknya.

---

“Amir salin baju dulu, mandi, solat, kemudian makan ya nak,” arah Umi Yati dengan penuh kelembutan. Dia tidak mahu bersoal jawab secara tergesa-gesa walaupun hatinya sedang memberontak ingin mengetahui perkara yang telah berlaku di sekolah tadi.

Amir terus berlalu ke biliknya. Beberapa minit kemudian, Amir turun ke dapur untuk mengisi perut dengan hidangan yang telah disediakan oleh uminya. Setelah Amir selesai makan, Umi Yati menarik kerusi dan duduk di hadapan Amir.





**“Kenapa Amir balik lambat hari ni?” tanya**

**Umi Yati.**

**“Bersihkan kelas tadi umi. Maaf ya umi,”**

**jawab Amir dengan nada perlahan.**

**“Tadi, Cikgu Nabilah telefon umi. Umi nak Amir jelaskan daripada A sampai Z, cerita sebenar apa yang berlaku itu?” tanya Umi Yati tanpa berlapik lagi.**

**Soalan yang ditahannya tadi terus tersembur keluar. Emosinya sedikit berubah. Pelbagai perasaan bercampur-baur tika ini.**

**Mendengar pertanyaan itu, Amir sudah dapat mengagak apa yang sebenarnya berlaku. Amir merancang untuk memutar belit cerita kerana takut akan dimarahi ibunya. Sudahlah dia dimalukan di kelas, diejek oleh kawan-kawan, kini dia berhadapan pula dengan uminya yang sedang marah.**


**“Jangan cuba nak menipu umi. Allah tahu semua yang ada di dalam hati Amir. Kalau Amir menipu umi, berdosa Amir nanti, Allah marah, Nabi pun marah,” sambung Umi Yati.**

Kata-kata yang bagai halilintar itu membuatkan Amir terhenti daripada ingin meneruskan niatnya untuk memutar belit cerita. Dia pasrah dan berharap agar kelakuan jujur yang bakal dia lakukan ini menjadi asbab untuk Allah mengampunkannya dan untuk Nabi menyayanginya.

Dengan nada yang terketar-ketar dan wajah yang penuh penyesalan, Amir menceritakan segala-galanya. Daripada dia mula melihat model superhero itu sehinggalah dia tertangkap kerana buku-bukunya tercemar kerana kicap. Peristiwa dia diejek, dimasukkan sampah ke dalam beg sehinggalah ke cerita Sufiyan, semuanya diceritakan oleh Amir kepada uminya.

Umi Yati yang mendengar cerita itu berasa kasihan kepada nasib yang menimpa anaknya itu, tetapi dia berpura-pura marah dan tegas sebagai pengajaran kepada Amir.

“Kenapa tak cerita kepada umi sejak awal? Kalau tak, tentu umi buatkan bekal untuk Amir,” tanya Umi Yati.





“Amir takut...Amir takut umi akan marah dan potong duit saku Amir, nanti Amir tak dapat beli model tu,” jawab Amir sambil menundukkan kepalanya.

“Amir, umi tak akan potong duit saku Amir. Tapi kalau Amir cakap umi akan marah sebab beli model superhero tu, memang umi akan marah,” ujar Umi Yati.

“Eh? Kenapa umi? Umi kan tahu Amir minat sangat dengan Rorozoa Zoxxo tu?” tanya Amir sambil mendongakkan kepalanya dengan wajah yang berkerut.

“Umi tahu, tak salah minat, tapi salah kalau taksab! Amir menyeksa diri Amir sendiri disebabkan nak kumpul duit untuk beli model tu.”

Amir terdiam sambil menundukkan wajahnya semula. Perasaan bersalah menghantui dirinya. Memang sejak dia menyimpan angan-angan untuk membeli model hero yang disukainya itu, dia sanggup melakukan apa sahaja, biar pun berasa susah. Yang penting dia mendapat apa yang

dia inginkan. Tumpuannya pada pelajarannya juga merosot teruk, malah setiap kali menunaikan ibadah, fikirannya sering tertumpu pada angan-angannya.

“Umi puji sikap Amir kerana ada kesungguhan untuk berusaha mencari duit sendiri tetapi sayangnya... Amir berniat untuk membeli sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat untuk Amir. Kalau Amir beli buku kisah-kisah nabi kan lebih elok. Rasulullah adalah superhero yang terbaik untuk kita sebagai umat Islam contohi. Mesti Rasulullah kecewa apabila Amir lebih taksub dengan komik-komik itu daripada membaca kisah perjuangan Rasulullah sendiri. Amir nak ke Rasulullah kecewa?”

“Tak mahu!!! Tak mahu umi!!!” jerit Amir ketakutan.

“Umi juga lihat pelajaran Amir merosot. Amir tidak pandai membahagikan masa antara minat Amir dan





tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Amir. Yang paling umi kecewa apabila Amir sudah tidak mementingkan solat,” ujar Umi Yati.

Amir kembali menunduk, memandang lauk-pauk yang masih ada di hadapannya. Memang benar apa yang dikatakan oleh uminya. Tiba-tiba Amir berasa sangat bersalah. Kalau uminya sudah kecewa, apatah lagi Allah dan Rasulallah.

‘Ya Allah... Ampunkan Amir...’ detik hati Amir penuh kekesalan.

“Umi faham anak-anak sebesar Amir mempunyai minat sendiri, tetapi alangkah ruginya diri kita kerana mempersiapkan minat, masa dan duit kita kepada sesuatu yang langsung tidak memberi ilmu kepada kita.”

“Amir minta maaf umi...” pohon Amir dengan suara perlahan.

“Jadi, Amir dah faham sekarang kenapa umi akan marah kalau Amir beli benda tu?” tanya Umi Yati lagi.

“Insyaa-Allah umi, Amir faham!” jawab Amir.

“Amir tak mahu Rasulallah kecewa dengan

Amir. Amir tak mahu Rasulullah marah dengan Amir,” kata Amir lagi.

Umi Yati tersenyum puas kerana berjaya menjadi asbab untuk anaknya faham akan kehendak sebenar Islam.


“Jadi, umi juga tak mahu Amir marah-marah lagi kalau umi turunkan poster-poster kartun di dalam bilik Amir tu. Umi nak Amir hiaskan dengan ayat-ayat al-Quran supaya Amir merasai ketenangan dalam bilik Amir,” nasihat Umi Yati lagi.

“Insyallah umi,” kata Amir dengan penuh penyesalan.

“Kalau dah faham, baguslah. Esok umi nak Amir minta maaf pada Cikgu Nabilah sebab dah menipu dan lari dari kelas dia tadi,” pesan Umi Yati.

“Baik umi, umi tolong maafkan Amir ya umi,” kata Amir sambil mencium tangan uminya kemudian memeluk erat uminya itu.

“Oh ya lagi satu, umi suka kalau Amir





berkawan dengan Sufiyan yang Amir cerita tadi. Umi tak suka Amir asyik berkawan dengan budak-budak nakal. Mereka semua tu hanya kawan ketika senang. Bila kita susah, mereka tinggalkan kita dan ketawakan kita.”

Amir terfikir akan kebenaran kata-kata uminya kerana rakan-rakan sekelasnya hanya berkawan dengannya kerana ingin meminjam komik dan DVD animasi miliknya. Ketika senang, semuanya bergembira bersama. Tetapi waktu dia susah dan dimalukan, rakan yang samalah yang mentertawakan dan mengejeknya. Berbeza dengan Sufiyan, walaupun baru sehari dikenalnya, dia sangat baik dan satu-satunya teman yang menenangkannya sewaktu dia bersedih.

Amir mengangguk tanda faham. Dia lantas bangun dan menuju ke biliknya sendiri lalu berbaring di atas katil sambil memikirkan semua kata-kata uminya.

Peristiwa di sekolah tadi mula menerjah ke fikirannya semula. Dia mula berasa bersalah terhadap Cikgu Nabilah kerana berlari keluar





**Bab 10**

**AMIR DAH  
BERUBAH**



**Sabda Rasulullah SAW:**

Sesiapa yang memberi contoh yang baik dalam Islam maka ia akan memperolehi pahala dan pahala orang yang beramal selepas ia meninggal tanpa kurang sedikit pun daripada pahala mereka. Dan siapa yang memberi contoh yang buruk di dalam Islam maka ia akan mendapat dosa dan dosa orang beramal dengannya selepas ia meninggal dunia tanpa kurang sedikit pun daripada dosa mereka.  
(Hadis Riwayat Muslim)





**S**etiap hari Amir akan menghadapi ejekan demi ejekan daripada kawan-kawannya. Ada ketikanya dia tidak dapat menahan perasaan marah apabila kawan-kawannya mempersendakan dirinya. Namun, disebabkan kata nasihat Sufiyan, dia cuba mengubah dirinya agar lebih sabar dan menerima sahaja ejekan itu.

“Awak kena sabar. Jangan marah. Pernah suatu hari seseorang meminta nasihat daripada Rasulullah. Tiga kali Rasulullah bersabda, jangan marah, jangan marah, jangan marah. Marah itu kan sifat syaitan. Walau apa sahaja yang mereka buat, bersabarlah. Minta Allah SWT membuka hati

Amir. Nak. Jadi. Khalid.

mereka agar menghentikan kata-kata ejekan tersebut.”


Itulah kata-kata nasihat Sufiyan yang dipegangnya.

Hari ini seperti biasa rakan-rakan kelasnya bersorak sebaik sahaja melihat Amir masuk ke kelas. Mereka mengejek-ejek dan mentertawakannya.

“Sampah jenis apa kau bawa hari ni Amir?” soal Mikael.

“Makanan basi tak bawa sekali ke?” tambah seorang lagi.

“Woi...Woi... Tak baiklah korang ni, nanti dia menangis lagi.”





Pecah derai tawa seisi kelas mendengar kata Eddie.

Namun, ejekan-ejekan tersebut langsung tidak menyentuh hati Amir. Kali ini riak wajah Amir tidak berubah marah atau geram, sebaliknya dia cuma tersenyum sahaja.

Amir terus berlalu ke tempat duduknya. Dia bertekad tidak mahu menjadikan ejekan itu sebagai melemahkan semangatnya untuk menumpukan perhatian pada pelajaran.

Melihat reaksi tersebut, rakan-rakannya mula hairan dengan sikap Amir itu.

“Kenapa dengan Amir tu? Lain macam je?” soal Mikael.

“A’ah lah. Selalunya dia marah, tapi ni dia senyum je...Pelik,” ujar Zainal sambil menggaru-garu kepalanya.

Sufiyan yang sedari tadi melihat peristiwa itu dari luar kelas tersenyum bangga dengan perubahan Amir.


Tatkala Amir duduk di tempatnya, dia mula perasan akan kelibat Sufiyan yang berdiri

Amir.Nak.Jadi.Khalid


memandang ke arahnya dengan senyuman yang manis. Amir membalas senyuman itu.

Sufiyan memberikan isyarat ibu jari kepadanya tanda dia telah melakukan perkara yang betul. Dia juga memberikan isyarat jari telunjuk ke arah meja Amir. Amir kehairanan lalu tercari-cari apa sebenarnya yang cuba ditunjukkan oleh Sufiyan. Apabila dia memeriksa di dalam mejanya, terdapat sekeping kertas.

"Semoga Rasulullah bangga dengan awak, sahabat."  
-Sufiyan-



Amir terharu dengan isi surat itu. Sufiyan benar-benar sahabat yang baik. Dia mula menyedari, peristiwa yang berlaku ini ada





hikmah yang terbaik untuk dirinya. Dia memanjat kesyukuran atas jalinan persahabatan yang ditakdirkan oleh Allah SWT.

“Terima kasih,” ucap Amir kepada Sufiyan yang masih berdiri di situ.

Sufiyan hanya mengangguk kemudian membuat isyarat yang dia mahu kembali ke kelas. Setelah Sufiyan berlalu, Amir terus membuka buku untuk mengulang kaji pelajaran sebelum guru yang mengajar masuk ke kelasnya.

Amir tidak lagi membawa komik ke sekolah. Dia sudah bertekad untuk fokus pada pembelajaran. Lagipun tahun depan dia akan menduduki peperiksaan UPSR. Dia tidak mahu leka lagi dengan komik-komik yang tidak mendatangkan manfaat dan ilmu kepadanya.

Sedikit demi sedikit Amir mula membiasakan diri dengan bahan bacaan yang berbentuk ilmiah. Walaupun ada juga komik-komik yang dibaca, dia memastikan komik tersebut mempunyai unsur pendidikan.

Tidak berapa lama kemudian Cikgu Nabilah masuk ke kelas untuk memulakan pembelajaran.

Amir.Nak.Jadi.Khalid

Murid-murid yang riuh tadi, kembali ke tempat masing-masing.



Kringgg!!!

Loceng menandakan waktu rehat berbunyi. Murid-murid mula berpusu-pusu ke kantin.

Sufiyan sudah pun menanti Amir di hadapan kelas.


“Hari ni bawa bekal apa?” soal Sufiyan.

“Nasi goreng,” jawab Amir sambil menunjukkan bekal makanan tertutup rapi berserta air di dalam botol.

“Mesti sedap, air tangan umi kan?” kata Sufiyan.

Amir mengukir senyuman, kemudian mereka terus menuju ke sebuah pondok kayu yang terletak di tengah-tengah taman bunga sekolah.

Setiap hari di situlah tempat mereka meluangkan masa bersama-sama. Selepas





mengenali diri Sufiyan dengan lebih dekat, Amir baru mengetahui bahawa Sufiyan merupakan anak kepada seorang ustaz yang berkelulusan dari luar negara.

Di rumahnya tidak terdapat televisyen kerana abinya tidak mahu anak-anaknya terpengaruh dengan pelbagai hiburan maksiat dan melalaikan. Sebaliknya, abinya menggantikan hiburan barat itu dengan membacakan kitab-kitab sirah Nabi dan hikayat para Sahabat terutamanya daripada sebuah kitab yang berjudul Hayatus Sahabah yang bermaksud kisah-kisah para Sahabat Nabi.

Jadi seumur hidup Sufiyan, dia tidak mengenali hero-hero barat ataupun Jepun. Dia tidak mengenali siapa Roroza Zoxxo, Liffy, Batman atau Superman. Yang Sufiyan kenal hanyalah wira dunia nyata seperti Saidina Khalid Al-Walid, Saidina Umar ibn Al-Khattab, Saidina Usamah bin Zaid, dan Saidina Abu Ubaidah Al-Jarrah.

Amir berasa sangat teruja dengan peribadi rakan barunya itu kerana baginya sangat mustahil


untuk seorang kanak-kanak seperti mereka tidak mengenali watak-watak hero khayalan palsu dari negara barat dan timur. Amir juga teruja kerana Sufiyan menyebutkan nama-nama yang tidak pernah dikenalnya sebelum ini.

“Awak tahu tak, hero-hero yang awak sebut pada saya tadi, seorang pun saya tak kenal. Mereka itu semua tidak wujud kan? Hanya ciptaan manusia semata-mata kan?” tanya Sufiyan.

Amir mengangguk menandakan dia bersetuju. Selama ini dia tidak pernah terfikirkan hal itu sedangkan itu hakikat yang diketahui oleh semua orang.

“Kalau awak nak tahu, hero-hero pujaan saya ni semuanya orang betul, realiti. Bukan tipu-tipu. Mereka memang pernah wujud di dunia ni dan sangat hebat. Malah macam-macam perkara mengagumkan mereka buat yang orang lain tak boleh buat,” terang Sufiyan.

Sekali lagi Amir terpinga-pinga tetapi sangat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang hero-hero realiti ini.





## Bab 11

# AMIR NAK DENGAR KISAH HEBAT!



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Barangsiapa yang berperang untuk  
meninggikan kalimat Allah, maka ia  
berada di jalan Allah.  
(Hadis Riwayat an-Nasai)





“**A**wak ceritalah tentang hero-hero realiti tu,”  
Apinta Amir yang tidak sabar mahu mendengar  
kisah superhero yang jauh lebih hebat daripada  
superhero fantasinya.

“Kita makan dulu, nanti lepas ni saya  
cerita,” jawab Sufiyan.

Selepas Amir dan Sufiyan menghabiskan  
bekal yang dibawa mereka, Sufiyan terus  
memulakan ceritanya.

“Pernah dengar nama Saidina Khalid Al-  
Walid tak? Itulah hero pujaan saya dan semua adik  
beradik saya. Minggu lepas kan, abi saya ceritakan  
kisah Khalid Al-Walid memimpin 59 orang Sahabat

Nabi mengalahkan musuh. Awak tahu berapa musuh?" tanya Sufiyan.

"Berapa??" Amir semakin bersemangat.


"60,000 tentera Nasrani yang lengkap bersenjata!" kata Sufiyan dengan nada yang kuat.

"Masya-Allah!!! Betulkah??!" Mata Amir terbeliak.

"Betul!!! Abi saya yang baca dalam kitab dia. Tak silap saya nama kitab tu Futuhush Syam tulisan Imam Al-Waqidi," jelas Sufiyan penuh berkeyakinan.

"Masa tu ada 60,000 orang tentera Nasrani yang pergi menghadap Raja Rom untuk meminta upah jika dapat menewaskan tentera Muslim yang cuma seramai 40,000 orang ketika itu."

"Raja Rom bersetuju dan berjanji akan memberikan pangkat kemuliaan serta harta yang banyak kepada mereka. Kemudian mereka menghantar utusan untuk bertemu dengan panglima perang tentera Islam waktu itu. Namanya Abu Ubaidah Al-Jarrah. Abu Ubaidah telah memanggil beberapa pahlawan terhebat





---

Rasulullah untuk bermesyuarat termasuklah Khalid Al-Walid.”

---

“Semua Sahabat Rasulullah yang terlibat dalam mesyuarat itu bersetuju untuk melawan 60,000 tentera itu dengan semua 40,000 orang tentera Islam. Tetapi Khalid Al-Walid tidak setuju. Awak tahu apa Khalid cakap?” jelas Sufiyan sambil bertanya.

---



---

“Cakap apa?” tanya Amir ingin tahu.

---

“Khalid Al-Walid cakap, cukuplah hantar dia seorang sahaja untuk melawan semua 60,000


---

*Amir.Nak.Jadi.Khalid*

tentera kafir itu kerana Nabi telah bersabda bahawa orang yang berzikir kepada Allah itu umpama orang yang hidup di sisi Allah manakala orang yang tidak berzikir pula umpama orang yang mati di sisi Allah. Semua tentera kafir itu tidak berzikir kepada Allah, maka mereka semua umpama mayat yang tidak bermaya, maka cukuplah dia seorang sahaja mampu menghapuskan semua orang kafir itu!” kata Sufiyan.

“Subhana-Allah! Saya fikir hanya Superman sahaja yang mampu buat macam tu dan saya tahu Superman tidak wujud. Tidak sangka telah wujud orang sehebat Khalid Al-Walid yang sememangnya seorang manusia yang hidup secara realiti,” sampuk Amir.

“Ya! Betul! Tetapi cadangan itu ditolak oleh Abu Ubaidah selaku ketua mesyuarat kerana dia khuatir Khalid terbunuh dan dia akan dituduh sebagai pembunuh Khalid kerana meluluskan permohonan itu. Kemudian Khalid menambah lagi bilangan para Sahabat yang perlu mengikutinya





menjadi 30 orang termasuknya. Katanya seorang hanya perlu membunuh 2000 orang musuh. Cadangan itu juga ditolak Abu Ubaidah. Kemudian Khalid menambah lagi 30 orang menjadikannya 60 orang termasuk dirinya dan kali ini dia mendesak Abu Ubaidah.”

“Katanya seorang membunuh 1000 orang musuh adalah sangat mudah. Abu Ubaidah dengan berat hati meluluskan cadangan itu maka Khalid pun memilih 59 orang para Sahabat Rasulullah yang terhebat. Selepas itu, mereka pun bermunajat dan beribadat kepada Allah memohon kemenangan.”

“Tujuan Khalid melakukan hal itu adalah kerana dia mahu musuh takut kepada umat Islam dan mahu menunjukkan bahawa umat Islam bukan pengecut. Dia juga mahu buktikan bahawa Allah ada bersama mereka, jadi tiada siapa mampu kalahkan mereka jika Allah bersama mereka.”

“Ya Allah... Hebatnya pergantungannya kepada Allah SWT.” Sekali lagi Amir menyampuk kerana perasaan terujanya menghayati kisah yang


*Amir.Nak.Jadi.Khalid*


diceritakan oleh Sufiyan itu.

“Benar. Sahabat-sahabat nabi adalah orang yang sepenuh hati beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah. Jadi, pada hari yang dijanjikan telah tiba, berbarislah 60 orang Sahabat Nabi berhadapan dengan 60,000 tentera Nasrani. Pada mulanya tentera Nasrani menganggap 60 orang itu sebagai utusan untuk meminta perdamaian atau meminta untuk menyerah kalah. Mereka mula mentertawakan 60 orang para Sahabat itu dan mengejek mereka sebagai pengecut. Tetapi Khalid melaungkan bahawa merekalah tentera yang bakal menghancurkan semua 60,000 tentera Nasrani itu!”

“Semua 60,000 tentera kafir itu tiba-tiba menggeletar selepas terdengar laungan itu! Khalid mengangkat pedangnya dan melaungkan sekuat-kuatnya kalimah ‘Allahu Akbar’ dan menyerang tentera yang 1000 kali ganda lebih besar itu.”

“Tentera Nasrani itu menjadi sangat takut dan ada yang lari dari medan perang itu sebelum bertarung. Ada yang tidak mampu mengangkat





senjata kerana terlampau takut. Ramai tentera kafir yang tertewas di tangan Khalid Al-Walid berserta 59 pahlawan terhebat dunia. Akhirnya tentera Khalid berjaya membunuh ribuan tentera Nasrani itu dan selebihnya melarikan diri.”


“Maka...Bersoraklah umat Islam dengan penuh kesyukuran atas kemenangan yang sangat hebat itu. Dalam peperangan tu, hanya 10 orang sahaja sahabat Nabi yang telah syahid. Khalid Al-Walid telah menangis atas kesyahidan mereka kerana dia tidak sangka bahawa akan ada sahabat Nabi yang syahid dalam peperangan itu sedangkan dia sudah pilih yang terbaik.”

“Namun, semua orang berasa aneh dan

## Amir.Nak.Jadi.Khalid

kagum kepada Khalid kerana mengikut logik, apabila 60 orang melawan 60,000 orang, maka 60 orang itu tiada harapan lagi untuk hidup. Sebaliknya hanya kematian 10 orang sahaja daripada 60 orang telah menyebabkan Khalid sangat bersedih hati. Jadi awak faham tak sekarang yang kita umat Islam mempunyai hero yang sangat hebat seperti Khalid Al-Walid dan para Sahabat Nabi yang lainnya???" Panjang lebar cerita Sufiyan.

Amir yang dari tadi terlopong mendengar kisah Khalid Al-Walid itu tidak sedar akan bunyi loceng berdering yang menandakan waktu rehat sudah habis. Kisah itu memberikan kesan yang sangat mendalam di dalam hatinya. Terbayang-bayang di dalam fikirannya akan kehebatan Khalid Al-Walid sehingga dia lupa akan wira-wira khayalannya yang selama ini dia puja melangit. Perkara itu terbawa-bawa sampailah ke rumah.





## Bab 12

# AMIR SUKA MAJLIS ILMU



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Barangsiapa melalui suatu jalan untuk  
mencari suatu pengetahuan (agama),  
Allah akan memudahkan baginya jalan  
menuju surga."  
(Hadis Riwayat at-Tabrani)





**A**bi, kenapa abi tak pernah cerita tentang Khalid Al-Walid kepada Amir?" tanya Amir kepada abinya dalam perjalanan pulang ke rumah setelah solat berjemaah di masjid.

"Eh? Amir tak kenalkah siapa Khalid Al-Walid?" tanya Abi Ahmad kehairanan.

"Tak kenallah! Tadi di sekolah, Sufiyan yang ceritakan pada Amir, katanya di rumahnya tidak ada televisyen, dan setiap hari abinya membacakan kisah-kisah para Sahabat kepada dia dan semua adik-beradiknya," jelas Amir.


"Amir ingat tak penceramah yang datang ke masjid kita bulan lepas?" tanya Abi Ahmad.

Amir.Nak.Jadi.Khalid

“Ingat!” jawab Amir spontan.

“Waktu ceramah itu, penceramah tersebut ada ceritakan tentang Khalid Al-Walid dan banyak lagi kisah para Sahabat yang lain. Bagaimana Amir cakap Amir tak tahu?” tanya Abi Ahmad.

“Errr....Amir...” Amir teragak-agak kerana teringat akan peristiwa pada malam itu yang dia dan rakan-rakannya memboikot majlis ceramah itu kerana ia menyebabkan mereka terlepas siri kartun Detektif Coman.





“Abi tahu, Amir tak dengar kan?” tanya  
Abi Ahmad lagi.

“Ya Abi... Amir minta maaf.” Amir  
menundukkan kepalanya tanda kesal.

“Amir nak abi buat macam abi Sufiyan  
jugakah?” Abi Ahmad mengalihkan topik.

“Ya abi! Amir nak tahu lagi dan lagi tentang  
para Sahabat Nabi!” Amir terus mendongak  
kepalanya penuh bersemangat.

“Baik Insyallah, kalau itu yang Amir  
mahukan, mulai malam ini, selepas solat Isyak,  
kita akan mulakan halaqah pembacaan kisah-  
kisah para Sahabat ya?” ujar Abi Ahmad.

“Err... Abi! Halaqah tu apa?” tanya Amir  
kehairanan.

“Halaqah tu majlis ilmu, duduk ramai-  
ramai,” jelas Abi Ahmad.

“Oh begitu. Baik abi, kita mulakan malam  
ini ya?” kata Amir.

Sebaik sampai di rumah, Abi Ahmad  
menceritakan hal itu kepada Umi Yati. Isterinya  
itu sungguh gembira. Doanya supaya anaknya  
berubah menjadi kenyataan. Kebetulan di


*Amir. Nak. Jadi. Khalid*

rumah mereka memang terdapat pelbagai kitab terjemahan Bahasa Malaysia berkenaan kisah-kisah para Sahabat dan kisah-kisah Nabi termasuklah kitab yang berjudul Hayatus Sahabah yang dibacakan setiap hari di rumah Sufiyan.

Mulai dari malam itu, mereka sekeluarga melakukan majlis Ta'lim iaitu majlis pembacaan kitab berkenaan kisah-kisah para Sahabat Nabi. Amir menjadi teruja setiap kali kisah baru dibacakan. Dia ingin tahu lagi dan lagi mengenai para Sahabat Nabi sehingga dia tidak lagi menonton televisyen.

Apabila dia dan ibu bapanya ke kedai buku, buku yang dia pilih semuanya buku-buku berkenaan para Sahabat Nabi. Buku-buku koleksi daripada Ana Muslim juga menjadi pilihan Amir. Malah, sekarang Amir terpaksa mengosongkan rak bukunya yang penuh dengan buku komik itu untuk dimasukkan buku-buku barunya.

Amir berubah secara drastik. Dia tidak lagi berminat untuk membaca komik-komik yang melalaikan dan tidak bermanfaat. Amir





**mengambil keputusan untuk menjual semuanya  
di pusat kitar semula.**

---

---



**“Saya nak jadi seperti Saifullah!” kata  
Amir kepada Sufiyan ketika dia bertemu Sufiyan  
di sekolah.**

---

---

---

## Amir.Nak.Jadi.Khalid


“Masya-Allah! Awak sudah tahu gelaran bagi Khalid Al-Walid ya?” tanya Sufiyan penuh teruja kerana Amir mengetahui gelaran kepada Khalid Al-Walid yang diberikan oleh Rasulullah yang bermaksud ‘pedang Allah’.

“Tentulah, sekarang ni di rumah saya juga ada pembacaan kisah-kisah para sahabat seperti yang ada di rumah awak,” balas Amir.

“Subhana-Allah. Saya tumpang gembira, sahabat,” ucap Sufiyan dengan sebaris senyuman.

Begitulah gelagat Amir dan Sufiyan setiap hari. Mereka akan bertemu di pondok bacaan dan saling bertukar cerita berkenaan para Sahabat Nabi. Mereka menjadi kawan yang sangat baik.

Jika dulu, Amir sering membawa komik ke sekolah dan ditangkap pengawas. Kini Amir menggantikan tabiat buruknya itu dengan membawa buku-buku kisah Nabi dan Sahabat di dalam begnya. Apabila pengawas memeriksa begnya, mereka tidak merampas buku-buku itu dan hanya tersenyum.





## Bab 13

# AMIR RINDU RASULULLAH



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Cintailah Allah SWT atas kenikmatan yang telah Ia kurniakan kepadamu, dan cintailah aku kerana cinta kepada Allah SWT, dan cintailah keluargaku kerana cinta padaku."  
(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)





“**K**amu dah berubah sekarang ya Amir? Alhamdulillah,” tegur seorang pengawas bernama Zaki yang juga merupakan seniornya yang berada di dalam kelas darjah 6.

“Alhamdulillah. Saya nak jadi seorang murid yang berakhlak mulia dan berdisiplin. Abang Zaki doakan saya agar istiqamah ya,” balas Amir dengan mempamerkan senyuman yang manis.

Amir cuba menjaga hatinya supaya tidak bangga diri atas pujian yang diberikan itu. Jauh di sudut hatinya, dia memohon agar Allah SWT terus mengukuhkan hatinya untuk menjadi hamba, anak, kawan dan murid yang baik.

Amir.Nak.Jadi.Khalid



“Insyallah. Moga kau dapat menjadi murid contoh di sekolah ini,” balas Zaki.

Amir hanya membalas kata-kata itu dengan senyuman.

Semakin hari Amir semakin mencontohi para sahabat Nabi. Dia menjadi sangat berani dan cekal hati.

Dia tidak lagi mudah menangis seperti dahulu. Dia juga melakukan semua aktivitinya secara teratur dan menepati masa kerana mencontohi tauladan para Sahabat. Dia tidak lagi mengutip tin kosong kerana dia kini tidak lagi memerlukan wang untuk membeli model aksi yang satu masa dahulu pernah menjadi kegilaannya.

Rakan-rakannya juga tidak lagi menggelarnya dengan gelaran ‘Amir Sampah’ dan para guru pula menyayanginya kerana akhlaknya





yang baik. Amir sedaya upaya mahu meniru akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah kepada umatnya.

Setiap kali berlaku sesuatu yang tidak disukainya atau berlaku perkara yang membuatnya marah, dia akan menenangkan dirinya dan memikirkan kisah-kisah Rasulullah.

Amir teringat kisah yang dibaca oleh abinya. Kisah Rasulullah dengan seorang jiran kafirnya yang setiap hari menyusahkan Nabi.


“Setiap hari, Rasulullah akan keluar dari rumah untuk ke masjid atau apa-apa urusan lain. Setiap kali baginda keluar, baginda akan dilontarkan dengan najis manusia dan pelbagai kotoran lain sehingga seluruh badan Rasulullah menjadi kotor dan berbau busuk najis. Tetapi Rasulullah tidak memarahinya, sebaliknya hanya kembali ke rumah dan membersihkan diri serta pakaiannya.”

“Hampir setiap hari perkara yang sama berlaku kepada baginda. Seinggalah pada suatu hari baginda berasa aneh kerana jirannya itu tidak lagi melontarkan najis kepadanya. Berhari-

hari baginda menunggu jika jirannya itu akan melontarkan najis kepadanya seperti biasa tetapi tetap tidak ada. Hal itu menyebabkan baginda menjadi risau kerana kemungkinan jirannya itu sakit. Tambahan lagi jirannya itu tinggal seorang diri di rumah itu tanpa keluarga.”

“Maka Rasulullah mengambil keputusan untuk menziarahi wanita tua kafir itu dan ternyata wanita tua itu sedang terlantar di atas tilamnya dalam keadaan sakit. Rasulullah berasa amat kasihan kepadanya lalu baginda memasak untuknya dan menyuapnya makan. Wanita tua itu menangis teresak-esak kerana terharu bercampur malu terhadap Rasulullah yang merupakan insan yang paling dia benci. Daripada insan yang paling dibenci, kini menjadi insan yang paling dicintai. Wanita tua itu telah melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan Rasulullah dan memeluk agama Islam sambil menangis teresak-esak.”

Begitu mulia akhlak Rasulullah. Kisah ini membuatkan hati Amir menjadi semakin kuat dan





cekal serta menambahkan semangat kesabarannya kerana dia betul-betul ingin mencontohi akhlak Rasulullah. Niatnya cuma satu, iaitu dia mahu menjadi kebanggaan Rasulullah!



“Sufiyan!” jerit Amir ketika berjalan keluar dari perkarangan sekolah.

Sufiyan serta merta berhenti melangkah dan menoleh ke belakang apabila mendengar namanya dipanggil. Kelihatan tidak jauh darinya, Amir sedang melambai ke arahnya.

Kemudian, Amir terus berlari menghampiri Sufiyan.

“Kenapa ni Amir?” soal Sufiyan sambil matanya merenung Amir yang tercungap-cungap di hadapannya.

“Sufiyan, esok jadi tak kita ulangkaji pelajaran di rumah awak?” soal Amir ketika bertemu Sufiyan pada waktu rehat.

Amir.Nak.Jadi.Khalid

“Oh... Ingatkan hal apa tadi. Insyaa-Allah,”

jawab Sufiyan.

Sufiyan sememangnya pelajar paling cemerlang di dalam kelas 5 Delta. Amir mengambil peluang itu untuk mengulang kaji pelajaran bersama-sama.


Jika dahulu banyak masa digunakan untuk menonton DVD dan siri kartun di televisyen, kini dia mula memanfaatkan waktu dengan belajar.

Amir sememangnya seorang yang pintar dan cerdas, cuma satu masa dahulu dia malas belajar dan tenggelam di dalam dunia animasinya.

“Esok, lepas kita ulangkaji pelajaran, abi saya akan ajar tentang solat-solat sunat serta doa-doa Masnun iaitu doa-doa yang diajarkan oleh Rasulullah dalam apa jua keadaan,” ujar Sufiyan.

“Masya-Allah. Saya tak sabar nak tunggu esok,” balas Amir dengan wajah yang teruja.

Begitu banyak ilmu yang dia perolehi daripada Sufiyan. Sekarang, setiap kali dia masuk ke rumah, dia akan memberi salam dan membaca doa memasuki rumah seperti yang diajarkan





Rasulullah serta memasuki rumah dengan kaki kanan. Ketika keluar dari rumah dia akan melangkah dengan kaki kiri dan membaca doa keluar rumah. Ketika masuk ke tandas dia akan berhenti dahulu dan membaca doa memasuki tandas lalu melangkah ke tandas dengan kaki kiri. Kemudian dia keluar dari tandas dengan kaki kanan dan membaca doa.

Ketika di dalam tandas pula, dia akan menutup kepalanya dengan sesuatu kerana ia merupakan sunnah mulia Rasulullah. Semua itu dilakukan kerana kecintaan kepada sunnah Nabi Muhammad SAW. Malah Sufiyan juga pernah beritahu, di akhirat kelak Rasulullah SAW akan memberi syafaat pada orang yang selalu hidupkan sunnahnya, malah di padang mahsyar nanti Rasulullah SAW akan mengenal umatnya yang sering mengamal sunnahnya.

Sufiyan benar-benar memberi pengaruh yang sangat baik kepada Amir. Mereka juga sering dilihat mengaji al-Quran bersama-sama. Menghafal al-Quran dan doa bersama-sama. Topik

*A.m.i.r.N.a.k.J.a.d.i.K.h.a.l.i.d*

perbualan harian mereka selain tentang pelajaran, hanyalah tentang Allah, Rasul dan para Sahabat. Novel-novel ilmiah mengenai para Sahabat Nabi juga sering mereka baca bersama.

“Baiklah. Saya tunggu awak di rumah ya,” ujar Sufiyan.

“Insyallah. Lepas zohor saya datang rumah awak,” jawab Amir kemudian meminta diri untuk berlalu kerana abinya sudah pun menanti untuk mengambilnya pulang ke rumah.





Bab 14

AMIR  
NAK JADI  
ANAK BERTIMAN



**Sabda Rasulullah SAW:**

"Belum sempurna iman seseorang sebelum ia mencintaiku melebihi daripada cintanya kepada anaknya, kepada bapanya dan kepada sekalian manusia."

(Hadis Riwayat Muslim)





“**A**ssalamualaikum, Sufiyan!” Amir memberi salam sebaik sahaja dia sampai ke rumah Sufiyan.

Tidak berapa lama kemudian, Sufiyan keluar dengan senyuman manis menyambut kedatangan Amir.

“Walaikumussalam. Jemputlah masuk, Amir.” Sufiyan amat mengalu-alukan kedatangan sahabatnya itu.

Kemudian Sufiyan memperkenalkan kepada Amir, abinya iaitu Ustaz Bashir dan uminya, Ummu Kalsum serta adik beradiknya yang lain.

Amir mula beramah mesra dengan seisi keluarga Sufiyan. Melihat suasana kekeluargaan yang terpamer di hadapannya membuatkan Amir sangat suka dengan keluarga Sufiyan kerana mereka semua berakhlak baik dan hidup penuh suasana Islami.


“Seronoknya ada adik-beradik,” bisik Amir ke telinga Sufiyan. Sememangnya Amir sering berasa sunyi kerana dia merupakan anak tunggal.

“Anggaplah kami semua macam keluarga Amir sendiri,” ujar Ustaz Bashir yang mendengar kata-kata Amir itu.

Sufiyan merupakan anak ketiga dalam keluarga itu. Kedua-dua abang Sufiyan telah berjaya menjadi Hafiz al-Quran hasil didikan daripada Ustaz Bashir. Sufiyan pula sudah menghafal 10 juzuk pada usia seawal 11 tahun itu.

“Ustaz, boleh Amir tahu? Apa itu hafiz al-Quran?”soal Amir yang masih keliru dengan gelaran itu.


“Hafiz al-Quran bermaksud orang yang menghafal seluruh al-Quran,” jawab Ustaz Bashir





dengan senyuman manis yang tidak pernah lekang di bibirnya.

---



Amir terkejut kerana merasakan itu sangat mustahil. Membaca surah Yasin sahaja sudah dirasakan sangat panjang baginya apatah lagi untuk menghafal surah itu. Jika surah itu yang hanya mempunyai 83 ayat pun dia merasakan tidak mampu untuk menghafalnya, bagaimana mungkin seorang manusia dapat menghafal al-Quran yang mengandungi lebih daripada 6000 ayat?

---

Ustaz Bashir lalu membacakan terjemahan sebuah kitab hadis yang berjudul Fadhilat Amal tulisan Syaikhul Hadis Maulana Muhammad

---

Amir.Nak.Jadi.Khalid


Zakariyya Al-Khandahlawi miliknya mengenai kelebihan menjadi hafiz al-Quran.

“Ibu bapa yang mempunyai anak yang hafiz al-Quran akan dipakaikan mahkota kebesaran di akhirat kelak,” ujar Ustaz Bashir.

“Rasulullah SAW juga pernah bersabda di akhirat nanti para ahli al Quran di perintahkan “Bacalah dan naiklah ke syurga. Dan bacalah al-Quran dengan tartil seperti engkau membacanya dengan tartil pada waktu di dunia. Tempat tinggalmu di syurga berdasarkan ayat paling akhir yang engkau baca,” sambung Ustaz Bashir lagi.

Selepas mendengar hadis-hadis itu, semangat Amir untuk menjadi hafiz al-Quran membuak-buak. Amir teringat akan umi dan abi kesayangannya.

Selain daripada mahu menjadi kebanggaan Rasulullah, dia juga ingin menjadi kebanggaan kedua-dua ibu bapa tercintanya. Dia tahu abinya juga mempunyai kitab Fadhilat Amal yang sama di rumahnya kerana sering terlihat kitab itu berada di dalam rak rumahnya.





Petang itu, Amir banyak mempelajari ilmu-ilmu daripada Ustaz Bashir yang sebelum ini dia langsung tidak tahu. Abinya bukan tidak pernah mengajar atau berkongsi tentang perkara itu, tetapi dia leka dengan minatnya yang telah menjauhkan dirinya daripada perkara yang baik.



Malam itu seperti kebiasaannya, Amir akan menyertai abi dan uminya dalam majlis *ta'lim* atau pengajaran berasakan al-Quran dan sunnah di rumahnya.

Amir mengambil kitab *Fadhilat Amal* lalu membaca kandungan kitab tersebut.

“Sayidina Muaz Al-Juhani RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda; Sesiapa yang membaca al-Quran dan beramal dengan apa-apa yang terkandung di dalamnya maka kedua-dua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat yang sinaran mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari. Sungguhpun matahari itu berada di dalam rumah-rumah kamu di dunia ini. Bayangkanlah bagaimana pula keadaan orang

yang dirinya sendiri beramal dengan al-Quran?  
(Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud). ”

“Umi! Abi! Amir nak jadi hafiz al-Quran!  
Sebab kalau Amir baca al-Quran umi dan abi akan  
dipakaikan mahkota yang lebih terang daripada  
matahari. Apatah lagi kalau Amir menghafal  
seluruh al-Quran!” kata Amir dengan penuh  
semangat.

Umi Yati dan Abi Ahmad tersentak dengan  
kata-kata anak kesayangan mereka itu. Tidak  
semena-mena air mata mereka mengalir tanda  
kesyukuran.


“Subhana-Allah...” ucap Umi Yati.

Amir terus bangun lantas memeluk  
uminya.

“Umi bersyukur dan bangga punya anak  
macam Amir,” bisik Umi Yati.

“Amir pun bersyukur dan bangga menjadi  
anak umi dan abi,”

Amir dan Umi Yati tidak dapat menahan  
air mata mereka daripada mengalir. Setinggi  
kesyukuran mereka panjatkan. Begitu juga Abi  
Ahmad yang merasai kebahagiaan itu.





## Kata Hati :

"Sekarang Amir dah tahu  
ada superhero yang jauh  
lebih hebat dari dalam tv tu.  
Rasulullah Superheroku!"

**Firman ALLAH S.W.T:**

Maksudnya: "Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh ikutan yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) ALLAH dan (balasan baik) hari akhirat serta dia pula menyebut dan mengingati ALLAH banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."  
(Surah al-Ahzab: 21)







# RAJULULLAH SUPERHEROKU

Amir Nak Jadi Khalid

"Awak tahu tak, hero-hero yang awak sebut pada saya tadi, seorang pun saya tak kenal. Mereka itu semua tidak wujud kan? Hanya ciptaan manusia semata-mata kan?" tanya Sufiyan.

Amir mengangguk menandakan dia bersetuju. Selama ini dia tidak pernah terfikirkan hal itu sedangkan itu hakikat yang diketahui oleh semua orang.

"Kalau awak nak tahu, hero-hero pujaan saya ni semuanya orang betul, realiti. Bukan tipu-tipu. Mereka memang pernah wujud di dunia ni dan sangat hebat. Malah macam-macam perkara mengagumkan mereka buat yang orang lain tak boleh buat," terang Sufiyan.

Sekali lagi Amir terpinga-pinga...

Amir merupakan seorang kanak-kanak yang begitu taksub dengan superhero-superhero yang terkenal di televisyen. Kerana ketaksubannya, dia sering leka dalam dunianya sendiri. Hajatnya untuk memiliki model superhero yang dikaguminya membuatkan dia melakukan perkara yang membawa kesusahan kepadanya sehinggalah dia dihina dan diejek oleh rakan-rakannya. Kehadiran Sufiyan telah merubah perjalanan hidupnya. Apakah yang Amir telah lakukan? Bagaimana Sufiyan cuba membantu Amir untuk kembali ke arah kehidupan yang lebih memberi manfaat kepadanya?

Sem. Malaysia **RM12.90**  
Sabah & Sarawak **RM13.90**

Product Generic Price Code



9 555698 608553

Hak Cipta Terpelihara © Ana Muslim Sdn Bhd.

Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada Ana Muslim Sdn Bhd. Peundangan bertulis kepada penerbitan royalti atau honorarium.



Ana Muslim Sdn Bhd (842621-K)

12, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4106 9119 • Faks: 03-4106 6119



anamuslim.my



anamuslimshop



anamuslimshop.com.my



AnaMuslimVideos

SRS 01



9 789670 604923